



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4033]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 4037]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI  
PERSENDIRIAN:

Akta Penyelarasan Perindustrian (Pemansuhan) 1978 [Ruangan 4037]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978) [Ruangan  
4061]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Kepala B. 1, B. 3, B. 5, B. 6, B. 10, B. 13 dan B. 14 [Ruangan  
4085]

Kepala B. 16, B. 17, B. 19, B. 20 dan B. 21 [Ruangan 4089]

Kepala B. 22 [Ruangan 4091]

## KANDUNGANNYA—(Samb.)

Kepala B. 23 dan B. 24 [Ruangan 4093]  
Kepala B. 25 [Ruangan 4094]  
Kepala B. 27 [Ruangan 4097]  
Kepala B. 28 [Ruangan 4099]  
Kepala B. 29 [Ruangan 4099]  
Kepala B. 31 [Ruangan 4110]  
Kepala B. 32, B. 34, B. 35 dan B. 36 [Ruangan 4111]  
Kepala B. 37 [Ruangan 4112]  
Kepala B. 42, B. 43 dan B. 45 [Ruangan 4113]  
Kepala B. 46 [Ruangan 4116]

### Jadual Kedua:

Maksud B. 1, B. 4, B. 8, B. 9 dan B. 14 [Ruangan 4085]  
Maksud B. 16, B. 20 dan B. 22 [Ruangan 4089]  
Maksud B. 25 [Ruangan 4094]  
Maksud B. 28 [Ruangan 4099]  
Maksud B. 29 [Ruangan 4099]  
Maksud B. 32, B. 33 dan B. 34 [Ruangan 4111]  
Maksud B. 39, B. 43, B. 44 dan B. 45 [Ruangan 4113]  
Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 [Ruangan 4116]

### USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1977—[Ruangan 4063]

#### Jawatankuasa:

Kepala P. 31 [Ruangan 4110]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978—[Ruangan 4063]

#### Jawatankuasa:

Maksud P. 8 [Ruangan 4085]  
Maksud P. 15, P. 16 dan P. 20 [Ruangan 4089]  
Maksud P. 23 [Ruangan 4091]  
Maksud P. 24 [Ruangan 4093]  
Maksud P. 25 [Ruangan 4094]  
Maksud P. 32 dan P. 35 [Ruangan 4111]  
Maksud P. 40 [Ruangan 4113]  
Maksud P. 47 dan P. 48 [Ruangan 4116]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,  
D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN  
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,  
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.  
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN  
CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.  
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,  
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,  
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI  
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI  
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL  
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,  
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO MICHAEL CHEN WING  
SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,  
S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,  
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu  
Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.  
(Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).  
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).  
 „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).  
 „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).  
 „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).  
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).  
 „ TUAN V. DAVID (Damansara).  
 „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).  
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).  
 „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).  
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).  
 „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).  
 „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).  
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).  
 „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).  
 „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).  
 „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).  
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).  
 „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).  
 „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).  
 „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).  
 „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).  
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).  
 „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).  
 „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).  
 „ TUAN KARPAL SING (Jelutong).  
 „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).  
 „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).  
 „ TUAN LEE KAW (Keluang).  
 „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).  
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).  
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).  
 „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).  
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).  
 „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).  
 „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).  
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).  
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).  
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 12hb Disember, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

JAMBATAN UNTUK PULAU PINANG

**1. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kedudukan jambatan yang dicadangkan untuk Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa sekarang rekabentuk kejuruteraan bagi jambatan yang disebutkan itu menyambung Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung sedang dijalankan oleh jurutera perunding yang mana dijangka siap pada bulan Ogos, 1979. Tawaran pertama bagi rangka utama jambatan dijangka akan dipanggil oleh Kementerian saya lebih kurang setahun selepas daripada itu dan pembinaan projek akan mengambil masa selama lebih kurang 4 tahun.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan, berapakah anggaran kos perbelanjaan untuk membina jambatan tersebut?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rekabentuk pun belum siap lagi maka tidaklah dapat kita membuat jangkakan berapakah harganya kelak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, memandangkan projek jambatan sudah lama disuarakan oleh Parti GERAKAN dan juga pemimpin-pemimpin negara kita, maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, kalau boleh berikan satu tarikh tentative, bilakah projek ini akan dilaksanakan dan juga bilakah projek ini akan disiapkan.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, rekabentuk mungkin siap pada akhir tahun 1979 dan akan mengambil masa setahun untuk dibuat kajian dan kalau terpaksa dipinda, maka bolehlah dikatakan pada akhir tahun 1980 dapatlah dikeluarkan tender. Dan oleh kerana dalam jangkakan pembinaan ini akan mengambil masa selama 4 tahun maka bolehlah dikatakan tahun 1984-85 akan siap pembinaannya.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab bagi pihak Kementerian memberitahu apakah jenis-jenis rekabentuk yang sedang dikaji oleh jurutera-jurutera perunding dan apakah jenis linkage yang sedang dikaji itu dan juga siapakah jurutera-jurutera perunding itu dan apakah bayaran yang telah dibuat kepada mereka untuk mengkaji rekabentuk yang sesuai bagi linkage ini.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua Dewan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah "Dewan" itu, "Tuan Yang di-Pertua" sudah memadai.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, jambatan ini adalah jambatan tinggi dan buat permulaan ialah untuk 4 lane/2 carriage-way dengan provision untuk diadakan 6 lane/2 carriage-way. Consultant yang diguna ialah Haudneddles

Temmen and Bergendoos daripada Amerika dan firma tempatan ialah jurutera consultant SCA Sendirian Berhad. Perbelanjaan setakat ini tidak dapat diberi lagi kerana belum selesai lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi menyatakan rekabentuk sedang disiapkan dan mereka rekabentuk ini tentulah setelah siap dibuat kajian kemungkinan (feasibility studies). Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk menyiapkan kajian kemungkinan itu?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis.

**Tuan P. Patto:** Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat itu beliau tidak menerangkan setakat mana pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melibatkan diri dalam pembinaan jambatan. Saya ingin tahu apakah peranan setakat ini dimainkan oleh Kerajaan Pulau Pinang sejak tahun 1969 dan apakah financial commitment yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sekiranya ada setakat ini?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahmn:** Tuan Yang di-Pertua, projek ini ialah projek Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bahawa apakah sebabnya satu rekabentuk perlu mengambil masa selama 9 tahun untuk disiapkan? Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah sebabnya ia memakan masa begitu lama 9 tahun?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, consultant ini diberi kerja daripada bulan Disember 1976—tidaklah 9 tahun.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat memberitahu bahawa projek ini adalah projek Kerajaan Pusat dan tidak kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Ingin saya tahu samada Kerajaan Negeri pernah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat bahawa ia mahu menjalankan projek ini dengan sendirinya sepertimana diumumkan

dalam tahun 1969 oleh Ketua Menteri sekarang, iaitu Dr Lim Chong Eu, bahawa sekiranya Kerajaan Pusat tidak mahu maka Negeri akan menjalankan projek itu dan mereka akan menubuhkan satu State Bridge Authority.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

### RUMAH SETINGGAN DALAM PEMBANGUNAN BANDARAYA

**2. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah menempatkan mangsa-mangsa yang mana rumah mereka terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan, dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya ialah memindahkan mereka ke rumah-rumah pangsa, rumah panjang, apabila disiapkan atau menempatkan mereka buat sementara waktu di kawasan-kawasan tanah yang lain sementara menunggu rumah-rumah tersebut disiapkan. Adalah menjadi dasar peruntukan rumah Dewan Bandaraya mengutamakan setingan-setingan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan. Setakat ini terdapat 2,915 keluarga setingan yang perlu dipindahkan sehingga awal tahun 1980.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah pihak Yang Berhormat wakil dari Damansara ini memberi apa-apa cadangan atau langkah-langkah untuk membantu atau menempatkan mangsa-mangsa yang rumah mereka telah dirobohkan oleh sebab pembangunan ini dan berapa banyakkah rumah-rumah yang terlibat atau yang disebutkan tadi?

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum terima apa-apa cadangan mengenai langkah-langkah yang boleh dibuat daripada Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, dalam proses penempatan semula mangsa-mangsa atau setinggan-setinggan yang mana rumah mereka dipaksa untuk dirobohkan oleh sebab tanah itu hendak diambil balik untuk tujuan pembangunan, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan samada Kerajaan Pusat bercadang untuk berunding dengan Kerajaan Negeri supaya setinggan-setinggan yang memerlukan tanah, misalnya untuk cottage industries supaya satu sekim dapat diluluskan di mana mereka yang memerlukan tanah untuk mencari nafkah akan diberikan tanah.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini projek-projek yang dijalankan itu yang melibatkan setinggan-setinggan adalah di dalam Wilayah Persekutuan dan pada peringkat ini belum timbul apa-apa perkara yang memerlukan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri, saya ingat mungkin Kerajaan Negeri Selangor yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu.

## RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

#### AKTA PENYELARASAN PER- INDUSTRIAN (PEMANSUHAN) 1978

2.45 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Ahli Yang Berhormat dari Seremban untuk

mengemukakan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Penyelarasan Perindustrian (Pemansuhan) 1973 yang bertujuan untuk memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian supaya dapat memulihkan kepercayaan orang ramai di dalam iklim pelaburan di negara ini.

Akta Penyelarasan Perusahaan 1975 telah diperkenalkan dan dilulus dengan objektif untuk "memperuntukkan untuk penyelarasan dan pembangunan secara teratur aktiviti-aktiviti pengilang di Malaysia".

Sejak Akta tersebut diluluskan, Akta tersebut telah menjadi sangat controversial dan bersifat membinasakan di dalam kalangan perniagaan, perusahaan dan pengilangan. Iklim pelaburan yang telahpun digelapkan oleh kemelesetan ekonomi sedunia kini telah menjadi lebih buruk akibat Akta Penyelarasan Perusahaan.

Keadaan pengangguran sungguhpun buruk telah bertambah buruk kerana Akta Penyelarasan Perusahaan ini telah menakutkan pelabur-pelabur daripada membina kilang-kilang yang akan menyediakan kerja untuk pemuda-pemuda kita.

Secara ringkas, Akta ICA ini jauh daripada menjadi suatu Akta Penyelarasan untuk perusahaan-perusahaan telah disifatkan sebagai "Akta Tamatkan Perusahaan" atau di dalam bahasa Inggeris "the Industrial Cessation Act."

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga telah dirancang untuk berjaya hanya jika sekiranya pelaburan sektor swasta akan meningkat 10% setiap tahun serta meyakinkan pelabur-pelabur swasta melaburkan sebanyak \$26.5 billion. Dalam pada ini peranan yang dimainkan oleh sektor swasta adalah sangat penting untuk pertumbuhan perusahaan-perusahaan pengilangan.

Malangnya, ICA yang dilancarkan menjelang Rancangan Malaysia Ketiga telah mensabotajkan objektifnya sendiri. Pelaburan swasta dalam masa dua tahun yang lalu telah jatuh ke bawah objektif pertumbuhan 10% itu. Dalam tahun 1977, pelaburan swasta hanya 6% dan pada tahun ini ianya dijangka sebanyak selebih-lebihnya 8% sahaja.

Pada akhir tahun 1977—dua tahun selepas Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan—adalah dianggarkan hanya 25% dari \$26.5 billion dilaburkan oleh pelabur-pelabur swasta. Ini jauh daripada 40%.

Masa hadapan Rancangan Malaysia Ketiga nampaknya sangat gelap.

Pada pelabur baik pun pelabur-pelabur tempatan atau asing memandang ICA dengan ketakutan. Mereka tidak diyakinkan oleh janji-janji yang diberikan oleh Menteri Perusahaan dan Perdagangan.

Clause 5 Akta tersebut menyatakan bahawa Pegawai Perlesenan boleh mengikut budibicaranya membatalkan sesuatu lesen jika pengilang berkenaan tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di dalam lesen berkenaan. Satu di antara sebab-sebab ialah pengilang hendaklah mematuhi objektif-objektif ekonomi dan sosial yang ujud. Ini mereka berpendapat merupakan "the sword of Damocles" yang bergantung di atas kepala mereka untuk selama-lamanya. Mereka berasa tidak terjamin dan nasib mereka terletak di dalam tangan Pegawai Perlesenan yang mungkin memilih untuk mentafsirkan apakah objektif sosial dan ekonomi menurut kesukaan hatinya. Objektif ini juga akan berubah dengan terdapat pertukaran dalam Kerajaan. Menteri-menteri datang dan Menteri-menteri pergi. Mungkin ada di antara mereka yang memahami pelabur-pelabur tetapi yang lain mungkin tidak. Seseorang pelabur yang jujur yang mempunyai rancangan jangka panjang tidak akan bersedia untuk melaburkan di bawah keadaan yang sangat berbahaya ini.

Sebarang perusahaan pengilangan mempunyai risikonya. Dan mereka ini hendaklah diberi peluang bebas untuk memilih sekutu-sekutu mereka untuk menunggu risiko serta tanggungjawab-tanggungjawab mereka. Suatu perkahwinan yang dilakukan di antara pihak-pihak yang bersetuju akan berjaya jika dibandingkan dengan suatu perkahwinan "shotgun" di mana pihak-pihak terpaksa bergerak di bawah Peraturan-peraturan ICA. Kerap kali, satu di antara pihak-pihak kepada perkahwinan "shotgun" ini mungkin akan lari.

Adalah menjadi niat Kerajaan yang disyituhkan untuk menyusun semula ekonomi negara untuk menentukan penyertaan bumiputra di semua lapisan serta juga untuk

mempastikan 30% dari equiti "corporation-corporation" di dalam tangan orang-orang bumiputra. Tidak sesiapa pun menentang objektif intergrasi kaum di bidang perusahaan dan perdagangan. Malah, kami di DAP senantiasa memperjuangkan intergrasi di semua peringkat bukan sahaja di dalam bidang perusahaan dan perdagangan, bukan juga di dalam Perkhidmatan Kerajaan dan di dalam Angkatan Tentera.

Penyusunan semula ini hendaklah dicapai dengan menentukan bahawa tiada mana-mana kaum merasa dinafikan hak-hak mereka dan ini hanya boleh dilaksanakan melalui pertumbuhan ekonomi. Dengan lain perkataan, ekonomi kita hendaklah berkembang dengan kadar yang segera supaya boleh menampung beratus-ratus ribu murid-murid yang tamat persekolahan mereka dan masuk ke dalam pasaran kerja setiap tahun.

Dengan adanya ICA ini semua orang akan rugi. Akan terdapat "stagnation" dan semua orang tidak akan dapat menikmati kek ekonomi kita dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Menteri Perusahaan dan Perdagangan supaya beliau menentukan apakah prioritiya dahulu, iaitu beliau harus ingat pertumbuhan adalah amat penting dan ini hanya boleh dicapai jika Akta ICA ini dimansuhkan. Kita telah dengar janji-janji dibuat di mana diperkatakan Akta ICA akan dikaji semula dan akan terdapat keadilan dalam perlaksanaannya. Saya rasa kata-kata atau "platitudes" tidak akan dapat meyakinkan pelabur-pelabur yang berfikiran waras (hard nose businessmen) kerana mereka ini berpendapat Akta ICA ini merupakan satu amaran untuk mengawal pelaburan-pelaburan mereka.

Apa yang lebih membimbangkan ialah iklim pelaburan yang kian merosot ini akan mendatangkan satu keadaan di mana pemuda-pemuda baikpun pemuda-pemudi Melayu dan bukan-Melayu yang penuh dengan harapan dan keazaman akan terasa dinafikan sesuatu dan juga akan merasa keciwa. Akan menjadi lebih rumit untuk meyakinkan serta memujuk mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat cara-cara bijak dengan mana pelaburan boleh digalakkan serta juga memperuntukkan kaum bumiputra share yang lebih adil dalam bidang

perniagaan dan perusahaan. Setakat ini penggunaan ICA ini sebagai "clout" hanya berjaya menakutkan pelabur-pelabur baik-pun pelabur-pelabur tempatan atau asing. Apa yang Kerajaan harus adakan ialah dengan mengadakan strategi "carrot" untuk menarik pelabur-pelabur—memakan "carrot" bukan stick. Objektif-objektif sosial dan ekonomi Kerajaan hendaklah dinyatakan dan juga menentukan bahawa ini tidak bermakna peluang-peluang untuk orang-orang bukan Melayu akan dinafikan mereka serta juga nyatakan bahawa pengurusan tidak akan diganggu. Untuk menggalakkan pelabur-pelabur mengadakan penyertaan bumiputra yang lebih, konsensi-konsensi cukai pun, bebasan cukai dan lain-lain galakan kewangan hendaklah diadakan.

Memandang kepada apa yang dinyatakan oleh saya ini, saya menyeru Menteri Perdagangan dan Perusahaan memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang menuduh Partai DAP sebagai prejudis, maka benarkan saya memetik pandangan lain-lain orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak mustahak. Di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) dan (2) hanya tujuan hendak mengemukakan Rang Undang-undang ini dan perkara-perkara besar sahaja. Itu tidak mustahak.

**Dr Chan Man Hin:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh! Siapa yang menyokong Usul ini?

2.57 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau Timbalannya telah berkali-kali dan berbulan-bulan menafikan bahawa ICA adalah sebagai penghalang pelaburan di negara kita, baik dalam kalangan pelaburan swasta atau dalam pelaburan asing, alasan biasa yang digunakan oleh Kerajaan untuk menafikan ini ialah katanya, permohonan bilangan dari 394 untuk tahun 1976 telah bertambah kepada 429 untuk tahun 1977. Kata Kerajaan, ini

adalah merupakan satu bukti kemelesetan tuduhan dan anggapan tersebut. Tetapi beberapa aspek dan faktor yang mustahak perlu kita semua perhatikan akan kita dapati bahawa suasana pelaburan di Malaysia telah mengalami kemerosotan. Sepertimana saya akan buktikan di bawah empat segi yang berikut.

Pertamanya, kalau kita mengkaji matlamat pelaburan bagi sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu \$26.8 ribu juta yang dijangkakan, kira-kira 48.3% lebih tinggi daripada pelaburan yang dicapai dalam masa Rancangan Malaysia Kedua. Di sini saya ingin sekali mengetahui bahawa adakah penyertaan sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini telah berkembang dan bertambah sepertimana yang dijangka dan dijadualkan, khasnya dalam tempoh sebelum ICA dikuatkuasakan jika dibandingkan dengan tempoh selepas ICA dilaksanakan pada 1-5-1976 ataupun apakah tempohnya di antara Rancangan Malaysia Ketiga kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Kedua.

Kedua, pada 27-11-78, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu Dewan ini bahawa—saya akan memetik daripada *Penyata Rasmi Parlimen*:

"Dalam tempoh 2½ tahun dari tahun 1974 hingga Mei 1976 lebih kurang 750 projek perindustrian telah ditubuhkan, meliputi pelaburan modal sejumlah \$2,200 juta. Dari bulan Mei, 1976 (ICA dikuatkuasakan, sehingga hujung tahun 1977, lebih kurang 450 projek telah ditubuhkan dan jumlah modal dalam pelaburan projek-projek ini ialah \$1,200 juta."

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat jelas dan nyata untuk menunjukkan bahawa penyertaan sektor swasta langsung tidak berkembang, sebenarnya kalau kita mengikut puratanya pelaburan di Malaysia adalah mengalami kemerosotan bila kita lihat daripada angka bila Akta ICA dilaksanakan sebelum dan selepasnya. Ini sudah menunjukkan bahawa ICA telah membawakan satu pukulan yang sangat hebat terhadap suasana pelaburan di Malaysia hari ini.

Dari segi ketiga, pada 9hb April, 1978 satu conference economic yang bersejarah dan untuk pertama kalinya diadakan dalam

community ekonomi dunia untuk membincangkan berbagai masalah ekonomi yang mereka hadapi serta merekomendasikan cara-cara untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka hadapi di Malaysia hari ini. Di antara 10 resolusi yang dilulus dalam Conference Ekonomi China Malaysia ini nombor ketiganya ialah berbunyi: Untuk mendesak Kerajaan memansuhkan segala undang-undang yang menyekat pelaburan swasta seperti ICA. Ini adalah merupakan satu bukti yang sangat jelas untuk memperlihatkan bahawa pelabur-pelabur tempatan sangat bimbang dan khuatir atas implikasi dan consequence ICA ini sehingga mereka mahu ICA dimansuhkan, ini adalah merupakan reaksi yang sangat kuat daripada peraturan swasta tempatan terhadap ICA.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak majalah dan suratkhbar asing telah menegur dan menjadikan ICA sebagai bahan hentaman untuk mengkritik Malaysia. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pernah menyatakan rasa kesalnya dengan sikap para wartawan asing yang selalu menggunakan ICA sebagai bahan tulisan untuk menentang Kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin negara kita pun selalu berada di negara asing untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya khususnya tentang ICA. Kesemua ini adalah menunjukkan bahawa ICA sebenarnya telah membawakan satu suasana yang sangat membimbangkan kalangan pelaburan tempatan dan asing, sebab itu pelabur-pelabur asing bersikap, dengan izin, wait and see untuk melaburkan kapitalnya di Malaysia sehingga terpaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertungkus-lumus mengadakan beberapa rombongan menarik pelaburan di seberang laut baru-baru ini seperti di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, satu fakta yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah banyaknya syarat-syarat yang terkandung dalam ICA ini adalah merupakan satu syarat sekatan terhadap peraturan khasnya dari segi management yang mereka suka kebebasan di tangan mereka sendiri umpamanya mengenai pengeluaran lesen, pengeluaran sistem jalan, mengenai saham, mengenai kilang jentera dan lain-lainnya. Kesemua syarat-syarat ini telah menimbulkan satu kebimbangan dan kekhuatiran yang sangat besar di kalangan pelabur asing dan tempat

kita. Sebab itulah saya menyokong Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban untuk memansuhkan ICA sebagai penghalang pelaburan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada lazimnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) ini tidak dibahaskan sepenuhnya, dengan sebab itulah pencadangnya hanya dibenar mengemukakan tujuan mengadakan Rang Undang-undang itu dan perkara-perkara besar sahaja, tetapi kalau seorang dua bolehlah. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

3.06 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya baru sahaja melihat Order Paper sekejap tadi dan apabila saya melihat Order Paper ini maka timbul ragu-ragu kepada saya apakah Usul ini juga akan ditarik pada hari ini (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Mukadimah yang macam itu tidak payahlah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Syukur Alhamdulillah. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, duduk dahulu! Saya kata tadi lazimnya di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) Usul ini tidak dibuka untuk perbincangan panjang kerana itulah pencadang pun di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) hanya boleh kemukakan tujuannya dan perkara-perkara besar sahaja. Jadi dengan sebab itu Ahli Yang Berhormat yang lain pun mengikut sukatan macam ini juga. Ya, teruskan sahaja.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya memperkatakan, saya tidak dapat menyetujui Usul yang dibawa oleh wakil daripada Seremban di atas beberapa sebab.

Pertama, saya tidak nampak Akta ICA ini bertujuan untuk menyekat mana-mana pihak kerana jelas dalam jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan ini, di luar Dewan ini, di dalam

negara ini atau dalam seminar-seminar sebarang laut perkara ini jelas dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau orang-orang yang dapat mengakui dirinya wakil Kerajaan ini adalah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah disebutkan tadi bahawa Akta ICA ini merupakan satu perkara yang menyekat dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab perkara ini, tetapi sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab di atas soal menentang Usul ini saya ingin menyedut sedikit daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada suatu soalan di Dewan ini pada 12hb Oktober mengenai hal ini, saya quote:

“Sebagai contoh, bagi tempoh Januari hingga Julai 1978, bilangan projek-projek yang diluluskan telah bertambah 20% iaitu daripada 162 kepada 195 jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu.”

Jadi ICA sepertimana disebutkan oleh penyokongnya tadi telah dimulakan, kalau tidak silap saya, pada 1hb Mei, 1976 dan bagi angka-angka yang saya sebutkan tadi adalah angka selepas tahun itu, itu adalah tempohnya.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa setiap undang-undang itu bukannya statik dan kami daripada Barisan Nasional, dari pihak Kerajaan sedar bahawa kalau undang-undang ini perlu dimansuhkan kami boleh mansuh, tetapi belum sampai masanya dimansuhkan lagi. Walau bagaimanapun pengalaman-pengalaman yang sudah menunjukkan bahawa kalau kita dapati sebarang bahagian daripada undang-undang ini boleh menghalang ataupun menyekat atau apa sahaja yang boleh membawa sesuatu perkara yang negatif terhadap tujuan asalnya maka undang-undang ini dipinda, dan itulah sebabnya saya quote lagi daripada *Hansard* yang saya sebut tadi iaitu:

“Kementerian saya setelah mengadakan perundingan dengan pihak swasta pada tahun 1977 meminda Akta tersebut sebagai langkah positif untuk menghapuskan sebarang keraguan.”

Perkara yang ketiga dalam pengetahuan saya di atas Usul ini pihak penyokong kepada pencadang Usul tadi telah menyebutkan

bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah berkejar ke sana ke mari mencari pelabur-pelabur asing—ini saya akur. Tetapi jelas bahawa di dalam seminar-seminar yang diadakan di luar negeri yang disebut oleh beliau tadi soal ICA ini tidak menjadi soal pokok, kalau pun ada menjadi soal-soal hanya soal-soal sampingan dan dengan tujuan-tujuan yang tertentu oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pernah disebut sedikit-sedikit berkenaan dengan Bumiputra dan bukan Bumiputra pada akhirnya saya rasa bukanlah layak bagi saya membincangkan soal itu di sini dan masanya belum pun sampai, saya hanya dukacita sepatutnya perkara ini dibawa semalam dan kalau dibawa perkara ini semalam, insya Allah jawabannya ada.

3.10 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya memberi pandangan dan pendapat saya terhadap cadangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Yang pertama saya suka menegaskan saya berdiri pada kali ini ialah menentang sekeras-kerasnya cadangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu atas alasan Akta ICA ini telah dicipta, telah diluluskan adalah sebagai salah satu alat bagi Kerajaan untuk menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru seperti juga dalam bidang pelajaran. Jika Akta ICA ini dimansuhkan sekarang bererti kita tidak akan dapat menjamin bahawa Dasar Ekonomi Baru itu akan tercapai pada ketika dan masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengadakan Akta ini adalah atas kesedaran, adalah atas keinsafan bahawa pihak Bumiputra sangat ketinggalan dalam bidang ekonomi, perniagaan dan perindustrian. Kesedaran dan keinsafan Kerajaan ini bukanlah perkara yang sengaja diada-adakan. Mari kita tengok hakikat dan kenyataan yang sebenar yang ada di negara kita ini. Mari kita melawat dari Johor Bahru hingga ke Perlis, kita lihat keadaan bandar-bandar, kita lihat keadaan perniagaan kilang-kilang, susah kita hendak

dapat kedai-kedai, rumah-rumah perniagaan yang dipunyai oleh Bumiputra, khususnya orang Melayu dalam bandar-bandar, sekarang kita boleh tengok, kita boleh saksikan dengan mata kepala kita sendiri bahawa begitu jauhnya Bumiputra ini ketinggalan dalam lapangan perniagaan dan perindustrian. Kita tengok di Johor Bahru, tidak sampai 10% Bumiputra berniaga dan rumah-rumah gedung-gedung perniagaan yang dipunyai oleh Bumiputra. Lihat pula di Seremban, di bandar tempat kediaman Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan Akta ini, lihat pula di Kuala Lumpur lebih dahsyat lagi. Orang-orang Melayu, orang-orang Bumiputra hanya sanggup berniaga sebagai peniaga-peniaga kecil, penjaja-penjaja. Ini kenyataan, ini hakikat.

Saya sangat hairan dan sangat berasa hampa di atas sikap Parti DAP ini yang pada satu ketika dan sebentar tadi kita sudah dengar Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu menyatakan bahawa pihak DAP bukan tidak menyokong Akta ini, bukan tidak menyokong Dasar Ekonomi Baru bahkan mereka menyokong apa juga langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi Bumiputra. Itu cakap, tetapi perbuatan-perbuatan yang telah ditunjukkan oleh pihak DAP ini, yang pertama semalam setelah mereka berkempen di luar-luar mengatakan mereka akan membawa masalah Universiti Merdeka ini dalam Parlimen . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tujukan kepada usul ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebahagian daripada masalah Dasar Ekonomi Baru. Saya minta maaf kalau saya sentuh lebih kurang. Jadi . . . . .

**Tuan P. Patto:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa point of order?

**Tuan P. Patto:** Peraturan Mesyuarat 36 (1) berbunyi, izinkan saya membaca, Tuan Speaker.

“36 (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak

boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah tegur tadi (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Tetapi dia masih sambung.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu cuba hendak mengajar pula Tuan Yang di-Pertua. Baru dua bulan dia dalam Parlimen ini, dia hendak tunjuk pandai dalam bidang Aturan Peraturan Mesyuarat (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat bandar Ipoh, bandar tempat Ahli Yang Berhormat dari Menglembu diam, susah kita hendak cari rumah-rumah, gedung-gedung perniagaan Bumiputra. Ipoh, Taiping, kemudian ke Bandaraya Pulau Pinang begitu juga, 10 buah kedai pun susah kita hendak dapat kedai Bumiputra. Maka atas kesedaran, atas keinsafan inilah pihak Kerajaan telah mencipta, telah meluluskan satu Akta untuk memberi peluang, memberi panduan, memberi bimbingan kepada Bumiputra supaya mereka ini dapat menyertai bidang perniagaan dan perindustrian, tiba-tiba kita dengar hari ini pihak DAP tergamak, sampai hati, begitu kejam sekali hendak memansuhkan Akta ini. Ini bererti dengan memansuhkan Akta ini mereka itu tidak mahu melihat, mereka tidak suka melihat dan mereka tidak mahu melihat Bumiputra berjaya dalam bidang perniagaan dan perindustrian ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan Shamsuri bin Md. Salleh*): Sila duduk! Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** “36 (6) No member shall impute improper motives . . . . .” Di sini ada “impute improper motives” bahawa kita tidak mahu kaum Bumiputra maju, ini bukan sahaja tidak benar tetapi satu tuduhan yang tidak berasas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak sampai kepada istilah “improper motives”. Sila teruskan!

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampaknya saya hendak bercakap, hendak mengemukakan alasan-alasan, hujjah-hujjah saya pun dihalang oleh pihak DAP. Mereka ini tidak senang dengan tujuan kita untuk menegakkan, untuk memberi peluang kepada Bumiputra berniaga, bukan sahaja hendak beri peluang berniaga, hendak beri peluang bercakap, hendak menyokong Bumiputra berniaga pun dia halang (*Tepuk*). Inilah sikap Parti DAP, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tak salah . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Parti DAP ini patut ditukar menjadi Parti "PAP".

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan Lim Kit Siang*) Duduk dahulu! Jangan ganggu berdiri pada masa Ahli Yang Berhormat bercakap, kalau ganggu di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) boleh, (b) kalau diberi jalan—jangan ganggu. Ada masa Ahli Yang Berhormat nanti, jangan pada masa orang sahaja kita hendak buat tetapi pada diri sendiri tidak suka dibuat. Sila teruskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi amaran kepada pihak Pembangkang yang selalu mengganggu saya hendak mengeluarkan pendapat dan pandangan saya. Ini menunjukkan mereka itu mempunyai sikap kuku besi, ini belum menjadi Kerajaan, kalau menjadi Kerajaan, habislah kita semua masuk dalam lokap. Ini kita patut memberi pengajaran kepada semua rakyat Malaysia bahawa inilah sikap Parti DAP, belum pun berkuasa, cuma ada 15 orang sahaja dalam Dewan sudah hendak menjadi raja, bersikap bermaharajalela (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan, saya cadangkan pihak DAP ini menukar nama parti mereka daripada DAP . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tak ada kena-mengena dengan usul ini (*Ketawa*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Saya buat analisa sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh!

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Daripada DAP menjadi PAP, saya hendak terangkan lebih kurang.

**Tuan Chan Teck Chan:** On a point of order di bawah Peraturan Mesyuarat 99 di mana Tuan Speaker sudah membuat satu keputusan tidak boleh disebut lagi, maka Ahli Yang Berhormat haruslah mematuhi arahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya sudah beritahu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tetapi dia masih sebut lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya baru sebut. Kalau saya hendak lakukan ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah lama semua keluar beramai-ramai (*Ketawa*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ringkaskanlah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Dalam hujjah Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi mengatakan majalah-majalah luar negeri sentiasa mengancam, sentiasa menegur sikap Kerajaan yang telah meluluskan Akta ICA ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak majallah di luar negeri ini tidak tahu apa hal mengenai negara kita ini, apa Akta yang kita buat untuk memberi peluang atau untuk menjayakan atau menjaminkan kejayaan dalam negara kita ini, mereka tidak ambil hal, tetapi segala fitnah, segala sangkaan buruk, segala tuduhan itu dibekalkan oleh pihak Pembangkang kepada majallah-majallah dan surat-surat khabar di luar negeri (*Tepuk*). Ini membuktikan bahawa pihak Pembangkang ini menjadi pengkhianat kepada rakyat Malaysia terutama kepada Bumiputra iaitu dengan membekalkan bahan-bahan untuk pihak majallah luar negeri dan surat khabar luar negeri ini menuduh, mengancam yang bukan-bukan Kerajaan kita. Ini dibekalkan oleh pihak DAP sendiri.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Saya minta Yang Berhormat itu duduk, jangan ganggu saya hendak bercakap (*Tepuk*).

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya ingin tahu sama ada perkataan itu parliamentary atau unparliamentary dan saya minta Yang Berhormat itu tarik balik perkataan itu. Saya rasa sudah kasar sangat perkataan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan itu tidak dihadapkan kepada seseorang, tetapi kepada parti.

**Tuan P. Patto:** Ya, memang kepada kita. Saya salah seorang daripada pihak Pembangkang, saya minta beliau menarik balik perkataan itu, yang saya rasa sangat kasar.

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan Shamsuri bin Md. Salleh*) Suka tarik balik atau tidak?

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Saya mengikut, kalau Tuan Yang di-Pertua kata tarik balik, saya tarik balik. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Menglembu yang mengatakan, saya tidak akan menurutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Apa yang hendak ditarik? Talikah, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang patut saya tarik balik ini?

**Tuan P. Patto:** Yang dibuat terhadap kita.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Baik, saya ganti dengan perkataan traitor. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Pihak parti DAP ini . . . . .

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, "traitor" perkataan Inggeris sama dengan "pengkhianat". Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu, kalau hendak ganti, cuba ganti dalam Bahasa Malaysia satu perkataan yang lain—bukan traitor, dan saya minta Tuan Speaker buat satu keputusan iaitu sama ada perkataan itu parliamentary atau unparliamentary? Kalau parliamentary, kita juga akan menggunakan pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sudah gunakan lebih daripada itu (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Bukan perkataan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, duduk! Jangan bertengkar. (*Kepada Tuan Shamsuri bin Md. Salleh*). Sila, akhirlah ucapan ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan P. Patto:** Jadi, kalau begitu, Tuan Speaker tidak ambil keputusan tentang . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Keputusan saya kalau dia hendak tarik daripada permintaan Ahli Yang Berhormat—bukan dari saya. Itu sahaja.

**Tuan P. Patto:** Jadi, Tuan Speaker tidak mahu buat keputusan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mengkhianati, tidak.

**Tuan P. Patto:** Okay, baik. Kita pun boleh buat. Kita try (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kata memang boleh buat.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada parti DAP sekiranya mereka merasa bertanggungjawab terhadap kemajuan, terhadap perkembangan, terhadap kejayaan Bumiputra dalam negara ini, kalau mereka betul-betul atau benar-benar hendak melihat Bumiputra, khasnya orang-orang Melayu dapat peluang bersama-sama dengan bangsa-bangsa lain dalam negara ini maju dalam bidang perindustrian, maka saya harap Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu dengan segala senang hati menarik balik usul ini seperti yang telah dibuat oleh Ketua mereka pada sidang hari semalam iaitu menarik balik usul Universiti Merdeka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, cukuplah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.24 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Kerajaan menentang usul Rang Undang-undang Ahli Persendirian Bernama Akta Penyelarasan Perindustrian (Pemansuhan) 1978, yang bertujuan untuk memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian, supaya dapat memulihkan kepercayaan orang ramai di dalam iklim pelaburan di Negara ini.

Saya sukalah menegaskan bahawa syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban ini tidaklah berasas sama sekali, dan sebaliknya tetap akan mengelirukan pandangan orang ramai ke atas hakikat Akta ini yang sebenarnya. Kerajaan tidak dapat menerima dakwaan kononnya orang ramai telah hilang kepercayaan mereka terhadap iklim pelaburan negara ini disebabkan Akta Penyelarasan Perindustrian. Bahkan kerajaan yakin Akta ini dalam bentuk yang ada sekarang tidak lagi merupakan satu issue yang penting yang mempengaruhi sesuatu keputusan bakal pelabur baik di dalam ataupun di luar negeri, untuk membuat pelaburan di dalam negara ini.

Di sini sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Balik Pulau yang telah melafazkan buah fikiran sedemikian dan mempertahankan sikap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor perindustrian melalui perkembangan yang lebih teratur dan yang boleh mendatangkan faedah kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya sukalah menegaskan bahawa Akta ini bukanlah dibuat untuk kepentingan satu-satu golongan sahaja dan mengeneppikan kepentingan golongan-golongan yang lain. Ianya melibatkan semua pihak di dalam sektor perkilangan dan di dalam melaksanakan Akta ini, tidaklah menjadi tujuan Kerajaan untuk merampas hak mana-mana golongan untuk diberikan kepada golongan yang lain. Pendeknya, penguatkuasaan Akta ini tidak akan terkeluar daripada lunas-lunas

Perlembagaan Malaysia, Rukunegara, mahupun Dasar Ekonomi Baru yang telahpun mendapat sokongan daripada sebilangan besar rakyat negara ini.

Kerajaan sedar Akta ini, semasa diperkenalkan dalam tahun 1975 dan dikuatkuasakan pada tahun 1976, telah menimbulkan kekhawatiran di kalangan setengah-setengah pihak di dalam sektor perkilangan. Untuk menghapuskan kekhawatiran tersebut dan untuk memastikan semua pihak yang terlibat memahami tujuan-tujuan sebenarnya Akta ini diadakan dan dilaksanakan, Kerajaan telahpun meminda Akta ini pada tahun 1977. Pindaan yang telah dibuat kepada Akta tersebut serta syarat-syarat yang berkenaan telah dibuat hasil daripada perbincangan yang meluas di antara Kerajaan dengan peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha dan pertubuhan-pertubuhan mereka.

Selain daripada itu, Kerajaan telahpun beberapa kali memberi jaminan bahawa Akta tersebut akan dikuatkuasakan secara flexible dan pragmatik oleh kerana Kerajaan berhasrat memajukan lagi dan bukan menyekat perkembangan perindustrian di negara ini. Segala kesempatan telah diambil di dalam mahupun di luar negeri untuk menjelaskan konsep dan pelaksanaan Akta ini, dan daripada "feedback" yang didapati daripada pertemuan-pertemuan dengan para pelabur dan bakal pelabur di dalam mahupun di luar negeri, telah meyakinkan Kerajaan bahawa sebilangan besar daripada mereka yang terlibat di dalam sektor swasta telah menerima konsep Akta ini di dalam bentuknya yang ada sekarang dan tidak lagi menganggap bahawa Akta ini merupakan satu faktor yang utama yang mempengaruhi mereka samada untuk mendirikan projek-projek perkilangan yang baru, mahupun meluaskan dan memperbagaikan aktiviti perkilangan yang sedia terdapat di Malaysia sekarang ini. Oleh itu, Akta Penyelarasan Perindustrian tidak seharusnya dijadikan satu issue yang besar lagi oleh kerana adalah jelas bahawa ianya tidak merupakan faktor yang menghalang perkembangan perindustrian di negara ini ataupun menjejaskan iklim pelaburan negara ini.

Saya tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat dari Seremban memperolehi perangkaan-perangkaan, tetapi hakikat di atas adalah nyata kalau ditinjau dari segi perangkaan perkembangan sektor perindustrian

di Malaysia dewasa ini. Umpamanya, bagi tempoh Januari hingga Oktober 1978, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1977, pelaburan dalam sektor perkilangan telah bertambah. Tambahan kepada pelaburan modal yang dicadangkan meningkat daripada \$511.4 juta kepada \$716.4 juta bagi tempoh Januari hingga Oktober 1977, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1978. Apa yang memberangsangkan ialah daripada peningkatan ini pelaburan di dalam pembesaran (expansion) atau pelbagai (diversification) projek-projek yang ujud telah meningkat sebanyak 66% daripada \$125.3 juta kepada \$207.9 juta. Selain daripada itu, permohonan yang diterima bagi penubuhan projek-projek baru dan projek-projek pembesaran kilang juga meningkat di mana permohonan untuk pembesaran merupakan 403% daripada jumlah permohonan di dalam tempoh ini. Ini menunjukkan bahawa sektor perkilangan yang menerima akibat buruk daripada kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini telah bertambah baik hasil daripada pemulihan di dalam ekonomi negara-negara maju.

Dengan adanya pindaan-pindaan yang sedang dipertimbangkan sekarang ini, melalui perundingan dengan sektor swasta serta jaminan-jaminan yang diberikan oleh Kementerian saya bahawa Akta ini akan dikuatkuasakan secara flexible dan adil, kita telah memastikan bahawa Akta ini tidak akan menjejaskan iklim pelaburan di Negara ini. Ramai pelabur asing, sama ada di dalam ataupun di luar negeri, telah menyatakan bahawa Akta ini, di dalam bentuknya yang ada sekarang, tidak mengganggu keputusan mereka untuk membuat sesuatu pelaburan. Ini dapat dibuktikan daripada kenyataan bahawa pelaburan modal ikuiti asing yang dicadangkan di dalam syarikat-syarikat yang diluluskan di dalam tempoh Januari hingga Oktober 1978, jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1977, menunjukkan peningkatan yang tinggi sebanyak 69% iaitu daripada \$69.3 juta kepada \$117.1 juta. Dari segi angka-angka projek-projek yang dimiliki oleh pelabur asing ataupun secara usahasama (joint venture), telah meningkat daripada 47 dalam tempoh Januari hingga Oktober, 1977 kepada 58 dari Januari hingga Oktober, 1978. Projek-projek yang 100% dipunyai oleh pelabur asing dan berorientasi ekspot telah meningkat daripada

7 dalam tempoh Januari hingga Oktober, 1977 kepada 18 buah projek dalam tempoh yang sama tahun 1978. Ini jelas menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing tidak merasa terhalang daripada membuat pelaburan di negara ini disebabkan oleh Akta Penyelesaian Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelabur-pelabur tempatan pula, haruslah diingatkan bahawa industri perkilangan merupakan satu bidang yang baru kepada pelabur-pelabur tempatan yang selama ini banyak bertumpu kepada sektor-sektor perniagaan, pembinaan, ladang-ladang dan perlombongan. Di dalam peringkat permulaan kemajuan perindustrian di negara kita, pelabur tempatan telah bertumpu, sebahagian besarnya, kepada industri-industri yang mengharap pasar tempatan (import-substitution industries). Akan tetapi, dengan pesatnya kemajuan perindustrian di negara ini, peluang-peluang pelaburan di dalam industri yang bersandarkan penggantian impot telahpun sampai ke peringkat "saturation point". Oleh yang demikian, pelaburan yang hendak dibuat oleh pelabur-pelabur tempatan terpaksa dialihkan samada kepada projek-projek usahasama dengan pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran teknik dan hubungan-hubungan ekspot ataupun menanamkan modal mereka di dalam sektor-sektor lain seperti pembinaan, perumahan dan lain-lain. Perangkaan menunjukkan bahawa bilangan projek-projek usahasama yang melibatkan pelabur-pelabur tempatan telah meningkat daripada 125 kepada 140 buah projek di dalam tempoh Januari hingga Oktober 1977, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1978 dengan melibatkan pelaburan modal yang bertambah daripada \$115.5 juta kepada \$151 juta. Ini menunjukkan bahawa negara kita perlu mengujudkan peluang-peluang pelaburan yang baru dengan menarik pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran teknik dan pasaran ekspot untuk menubuhkan projek-projek secara usahasama dengan modal rakyat Malaysia. Kita tidaklah kekurangan modal, tetapi apa yang lebih diperlukan ialah kepakaran (technology) dan pasaran ekspot. Itulah sebab Kementerian saya telah menganjurkan rombongan-rombongan pelaburan yang bertujuan untuk menarik kepakaran dan hubungan-hubungan pasaran ekspot di dalam penubuhan projek-projek

usaha-sama di dalam negara ini. Kementerian saya juga sedar bahawa terdapat beberapa pelabur tempatan yang mempunyai projek-projek sekarang ini dan bercadang untuk menambahkan bilangan projek mereka, telah menyatakan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian tidak menghalang keputusan mereka membuat sesuatu pelaburan. Apa yang lebih mustahak ialah ujudnya projek-projek yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Penyelarasan Perindustrian, dalam bentuknya yang ada sekarang, telah diterima oleh kebanyakan pihak di dalam sektor swasta, Kerajaan akan terus mengkaji Akta ini dari masa ke semasa dan jika ada apa-apa kelemahan yang mungkin timbul di dalam ciri-ciri perlaksanaannya, kita akan mengambil tindakan untuk mengatasinya. Dalam hubungan ini, Kementerian saya sentiasa berhubung rapat dengan pertubuhan-pertubuhan perkilangan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya, bagi pihak Kerajaan mencadangkan supaya usul Pembangkang meminta Akta ini dimansuhkan, ditolak.  
(*Tepuk*).

3.38 ptg.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi sedikit keterangan terhadap tuduhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan dia tidak tahu dari mana saya mendapat angka-angka bagi mencadangkan supaya Akta ICA ini dimansuhkan. Di sini saya boleh bagi satu quotation dari "Business Times" of Malaysia di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan (*Dengan izin*):

Malaysia's Third Five-Year Plan has fallen short of target dan promotion investments pun tak ada sampai target . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak quote, boleh quote seterusnya.

**Dr Chen Man Hin:** Ya. Di sini beliau mengatakan:

"In terms of promotion of investments, Dr Mahathir said, there has been a short fall. During the 5-year period from 1976 to 1978, some \$26 million has been budgeted for on the private sector. He blamed the short fall on the recession in 1975 and the slow pick up of the world economy."

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk rekod, majalah "Business Times" itu keluaran berapa haribulan?

**Dr Chen Man Hin:** 24hb November.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun ini?

**Dr Chen Man Hin:** Ya, tahun ini (1978). Saya hendak quota lagi satu penerangan oleh bekas Perdana Menteri kita Y.T.M. Tunku Abdul Rahman. Apabila ditanya tentang ICA dalam satu temuramah atau interview dengan majalah *Asian Business and Industry*, keluaran bulan September, 1978, beliau berkata: (*Dengan izin*)

"The way in which it is being implemented is wrong, as I see it. We have to help the Bumiputras to get a fair share in the economic wealth of the country, which is the main aim of the Policy. But it is wrong to force upon the Bumiputras a load they cannot shoulder. Not only does this interrupt orderly growth of industries but the system creates "men of straw", people who participate in business without investing a single cent, nor having the competence to contribute to the companies' development. This is not a good thing for the economy as a whole, and it is certainly not good for the Bumiputras themselves. At the same time, something must be done for the Bumiputras lest they continue to feel being victimised by others. This could lead to a feeling of injustice in their own country, and flare up into racial violence."

**Dato' Lew Sip Hon:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak beri penjelasan?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan untuk penjelasan? Dia tidak beri jalan. Teruskan!

**Dr Chen Man Hin:** Dan ada lain-lain dalam satu Persidangan Ekonomi yang dikelolakan atau diorganise oleh Dewan-dewan Bersekutu Perusahaan China Malaysia peserta-peserta persidangan itu telah, di antara lain, mengesyorkan supaya dimansuhkan ICA. Ini ialah untuk makluman kepada beliau. Dan seorang economist yang pakar Encik Erick W. Haden, Naib Presiden merangkap Presiden Bank of Amerika dia berkata di hadapan ahli-ahli ekonomi di Universiti Indonesia baharu-baharu ini telah berkata pelabur-pelabur asing telah bereaksi secara negatif terhadap keraguan-keraguan yang menyelubungi gambaran tentang pelaburan di Malaysia. Beliau juga perhatikan terdapat minat pelabur yang amat kurang dari peniaga-peniaga tempatan dan asing. Dan juga Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur juga dalam Laporan Ekonominya tahun ini berkata pelaburan adalah depressed di seluruh dunia. Dan laporan tersebut berkata bahawa Akta Penyelarasan atau ICA ini mungkin bertanggungjawab terhadap keengganan pelabur-pelabur khususnya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, on a point of order, sila duduk!

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Saya ingin timbulkan di sini ialah adakah ini spesifik dalam perbincangan kerana nampaknya . . . . .

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu! Saya juga tengah bercakap, duduk dahulu!

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Nampaknya Ahli Yang Berhormat membuat quotation sana dan sini, adakah boleh diberi jaminan bahawa ini adalah khusus berkaitan dengan perkara yang dibincangkan sekarang ini iaitu tentang ICA?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya benarkan. Kalau bising-bising, saya halau keluar nanti.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu apakah peraturannya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban, teruskan!

**Dr Chen Man Hin:** Laporan tersebut berkata bahawa ICA mungkin bertanggungjawab terhadap keinginan pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur tempatan melabur di sini. Inilah ada di mana bukan sahaja pelabur-pelabur tempatan tetapi pelabur-pelabur asing pun juga ada pandangan ICA menghalangkan investment dan menurunkan iklim pelaburan di sini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita pergi kepada Ajenda (1), saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang.

Dari semenjak Sidang Parlimen yang pertama, ada seorang berdua dari pihak Pembangkang yang ada kalanya bertelagah dan cuba hendak bertelagah dengan Speaker. Saya sudah lima tahun duduk di Kerusi ini sebagai Timbalan Yang di-Pertua atau Pemangku Yang di-Pertua dan sekarang Yang di-Pertua, belum pernah saya menjalankan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 Pecahan (1), Pecahan (2), Pecahan (3) untuk mengeluarkan Ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini. Tetapi amaran saya ini, kalau saya dapati masih tidak dihargai sikap liberal saya, sikap membenarkan pihak melebihi daripada apa yang di setengah-setengah barangkali Speaker tidak membenarkan kalau tidak dihargai budi bicara yang baik yang seumpama itu, atau tidak mengerti dan memahami, tidak ada berbudi bahasa maka saya akan gunakan, walaupun sudah lima tahun saya tidak pernah mengungkannya (*Tepuk*).

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya tidak tegah antara seorang Ahli Yang Berhormat dengan seorang Ahli Yang Berhormat bertukar-tukar pendapat begitu, saya suka Parlimen ini hidup. Saya tidak hendak

senyap begitu sahaja. Saya pun pernah menjadi back-bencher di belakang sana, tetapi bertelagah dengan Speaker itu adalah lain, seolah-olah mencabar kedudukan Speaker, itu adalah lain dan saya tidak akan sanggup lagi untuk hendak memberikan sikap liberal yang seumpama itu semenjak bulan Oktober Parlimen ini bersidang, kerana orang yang tidak menghargai kebaikan seseorang tidak patut diberikan penghargaan dan kebaikan itu (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977 DAN 1978)

#### Bacaan Kali Yang Kedua

3.47 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 yang berjumlah \$743,451,910 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978 yang berjumlah \$204,298,379. Keperluan bagi membentangkan kedua-dua Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101, Perlembagaan.

Terlebih dahulu, saya bercadang hendak mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga, 1977. Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$743,451,910 bagi perkhidmatan tahun 1977, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1977 dan Tambahan Pertama dan Kedua, 1977.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 berjumlah \$795,756,749, tetapi sebanyak \$743,451,910 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$52,304,839 lagi dari peruntukan

itu merupakan perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Sebahagian besar dari Tambahan ini iaitu sebanyak \$438,585,400 diperlukan untuk membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kerajaan di Semenanjung Malaysia berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Laporan Gaji ini mula dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1976 dan pembayarannya telah dibuat dalam tahun 1977. Sebanyak \$300 juta dikehendaki bagi menambah peruntukan Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Yang lainnya merupakan tambahan-tambahan kecil untuk pelbagai perkhidmatan. Keterangan lanjut mengenai Tambahan ini adalah seperti dinyatakan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 tahun 1978.

Dengan tambahan sebanyak \$743,451,910 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1977 ialah \$6,006,867,457. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,635,832,299 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1977 ialah \$7,642,700,456.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978. Tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini berjumlah \$204,298,379. Dari jumlah ini, sebanyak \$204,183,379 telah dihidulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Dari jumlah Tambahan ini sebanyak \$58,903,697 diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulanwang Amanah Setok Penimbal Bijih Timah berikutan dengan pengambilan alih oleh Kerajaan terhadap bayaran caruman kepada Setok Penimbal Bijih Timah yang dahulunya dibayar oleh pelombong-pelombong. Pengambilan alih ini akan melepaskan beban kewangan pelombong-pelombong terutama sekali pelombong-pelombong kecil. Lain-lain tambahan besar adalah seperti berikut:

\$33 juta untuk membiayai berbagai projek-projek kecil pembangunan, \$30 juta bagi menambah peruntukan

Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi membolehkan pinjaman diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, \$24 juta untuk menaikkan elaun tambahan pencen sebanyak 20% kepada semua pesara tempatan mulai dari 1hb Julai, 1977, \$12 juta bagi melaksanakan skim Amalan Makanan dan Pemakanan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan \$8.8 juta bagi menambah peruntukan Kumpulanwang Pendahuluan Kenderaan.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini ada diterangkan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1978.

Dengan tambahan sebanyak \$204,298,379 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1978 ialah \$6,444,195,399. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,817,838,846 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 ialah \$8,262,034,245.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1977 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1978

3.54 ptg.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan

(1) Bagi tahun kewangan 1977—untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk mak-

sud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan;

(2) Bagi tahun kewangan 1978—untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadang untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.” dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Usul ini meliputi dua Anggaran Pembangunan Tambahan, saya bercadang hendak mengemukakan dahulu Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1977. Dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1977 peruntukan sebanyak \$58,261,101 adalah dikehendaki sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan asal, Tambahan Pertama dan Kedua, 1977. Dalam Anggaran Tambahan ini terdapat tiga peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Tujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan tanda itu, antara lain, ialah untuk meminda jumlah anggaran harga projek-projek yang berkenaan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi peruntukan-peruntukan tanda itu boleh diperolehi secara pindah peruntukan dari wang simpanan (savings) dalam Kepala Perbelanjaan yang berkenaan manakala yang lainnya adalah perlu untuk mendapatkan peruntukan tambahan melalui Anggaran Tambahan. Dari jumlah \$58,261,101 yang dimasukkan dalam Anggaran Tambahan ini, sebanyak \$55,532,119 merupakan perbelanjaan pinjaman manakala sebanyak \$2,728,982 ialah perbelanjaan cara langsung. Dengan Tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977 ialah \$5,086,447,240.

Keterangan lanjut mengenai butir-butir dalam Anggaran Tambahan Ketiga ini bolehlah didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 31 tahun 1978.

Dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1978, peruntukan sebanyak \$281,462,175 adalah dikehendaki sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan asal 1978. Dari jumlah ini, sebanyak \$198,081,663 merupakan perbelanjaan cara langsung manakala sebanyak \$83,380,512 ialah perbelanjaan pinjaman.

Selain daripada lima peruntukan tanda yang terdapat dalam Anggaran Tambahan ini, tambahan-tambahan besar adalah dikehendaki bagi Maksud-maksud berikut:

- (a) Maksud P. 8—Jabatan Perdana Menteri: Tambahan sebanyak \$11,699,204 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$6,825,000 diperlukan untuk membeli alat-alat jentera yang digunakan bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan-jalan kampung yang tidak berkelayakan untuk mendapat geran penyenggaraan jalanraya yang diberikan mengikut Perlembagaan dan \$4,125,000 sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk penyenggaraan jalan-jalan tersebut;
- (b) Maksud P. 15—Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan: Tambahan berjumlah \$4,656,624 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$3,456,624 dikehendaki bagi membiayai projek-projek kecil di kawasan kampung-kampung baru dan kampung-kampung lain di persekitarannya dan \$1.2 juta sebagai pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Negeri Pahang bagi membolehkannya membiayai pembangunan perumahan di kawasan Pelabuhan Kuantan;
- (c) Maksud P. 16—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan: Tambahan berjumlah \$26,862,058 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini sebanyak \$20,862,058 dikehendaki untuk membantu penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Tujuannya ialah untuk mengukuhkan

kedudukan kewangan penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula itu dan menjadikannya yunit-yunit pentadbiran yang "viable" dan mampu memberi perkhidmatan yang sempurna di samping menjalankan berbagai-bagai aktiviti pembangunan kecil dalam kawasan-kawasan mereka. Sebanyak \$6 juta lagi adalah dikehendaki untuk mengadakan beberapa program untuk mengawal dan menempatkan semula setinggian-setinggian di Wilayah Persekutuan yang akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya. Salah satu dari langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan membina rumah panjang di kawasan Pantai dan Bunus (Setapak);

- (d) Maksud P. 23—Kementerian Perusahaannya Utama: Tambahan berjumlah \$22,594,000 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$17,464,000 diperlukan bagi menambah modal saham Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) untuk mempergiatkan lagi aktiviti/programnya. Dengan tambahan ekuiti ini, nisbah "debt/equity" rasionya akan berkurangan dan "paid-up capital"nya akan bertambah dari \$25 juta kepada \$62 juta. Jumlah \$5 juta pula dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Tembakau Negara untuk dijadikan modal pusingan bagi sekim pengedaran tembakau;
- (e) Maksud P. 24—Kementerian Pertanian: Tambahan berjumlah \$10,929,710 adalah diminta. Dari jumlah ini \$8.5 juta dikehendaki bagi melaksanakan projek perkembangan kebangsaan (National Extension Project) di negeri Sabah dan \$1,666,700 merupakan modal pusingan untuk koperasi-koperasi yang mempunyai potensi untuk meluaskan usaha-usahanya tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana kekurangan modal dan tidak dapat meminjam daripada punca-punca luar kerana ketiadaan "collateral";
- (f) Maksud P. 25—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian: Tambahan berjumlah \$3,715,612 adalah diminta. Dari jumlah ini, sebanyak \$2,052,000 dikehendaki bagi melaksanakan projek "Langkawi Country Club" yang telah diambilalih oleh Kerajaan dan yang

telah diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan untuk menjalankannya. \$1.6 juta pula merupakan pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan bagi penyertaan ekuiti Lembaga tersebut di dalam "Holiday Villages of Malaysia Sdn. Bhd.";

- (g) Maksud P. 32—Perbendaharaan: Tambahan berjumlah \$48.4 juta adalah diminta. Dari jumlah ini, sebanyak \$47.4 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Bank Rakyat bagi membolehkannya meneruskan kegiatannya serta membiayai sebahagian daripada pembinaan sebuah bangunan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dan \$1 juta merupakan sumbangan tambahan Kerajaan kepada Bank Simpanan Nasional bagi membiayai pembelian bangunan Ibu Pejabatnya di Jalan Ampang, Kuala Lumpur;
- (h) Maksud P. 60—Jabatan Laut: Tambahan berjumlah \$2,559,990 adalah diminta. Dari jumlah ini, sebanyak \$2 juta dikehendaki bagi membayar balik perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi membeli kapal-kapal korek;
- (i) Maksud P. 64—Jementeria Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Tambahan berjumlah \$84,454,582 adalah diminta. Dari jumlah ini, sebanyak \$4,950,000 merupakan perbelanjaan pinjaman. Pecahan peruntukan tambahan yang dikehendaki itu adalah seperti berikut. \$41,390,010 bagi Bangunan-bangunan dan Perumahan Kerajaan, \$37,150,000 bagi Jalanraya dan Jambatan, \$3,464,572 bagi Tenaga dan \$2,450,000 bagi Bekalan Air;
- (j) Maksud P. 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah: Tambahan berjumlah \$61,354,621 adalah diminta. Dari jumlah ini, sebanyak \$22,146,910 merupakan pinjaman. Di antara peruntukan-peruntukan yang dikehendaki itu adalah seperti berikut: sebanyak \$30,960,000 diperlukan bagi melaksanakan pembinaan jalan-jalanraya ke kawasan rancangan-rancangan FELDA dan Jengka; \$18,800,860 sebagai pinjaman kepada Kerajaan

Negeri Sarawak bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak membiayai projek-projek pembangunan tanah di negeri tersebut, \$3,346,050 sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang membiayai projek penempatan semula penduduk-penduduk di Jerkoh dan membina Pusat Pentadbiran di Merapoh; \$2,572,000 bagi membiayai projek pembekalan air di Rancangan Tanah Jengka; \$1,893,157 bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet dan \$1,834,660 dikehendaki bagi membiayai rancangan pembangunan tanah dan penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan Sungai Chalit, Kampung Peruang dan Merapoh di negeri Pahang.

Keterangan lanjut mengenai tambahan-tambahan ini dan lain-lain tambahan yang saya tidak sebutkan boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1978.

Dengan Anggaran tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 ialah \$4,925,022,270.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu, dibacakan bagi kali

yang kedua dan satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) Bagi tahun kewangan 1977—untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk maksud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan;
- (2) Bagi tahun kewangan 1978—untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadangkan untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Sekarang kedua-duanya terbuka bagi perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.05 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Menteri berkenaan peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tahun 1977 dan tahun 1978, kerana saya yakin walaupun perbelanjaan ini telah dibelanjakan dahulu baru diminta dalam Dewan ini untuk diluluskan tetapi segala apa yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan khasnya oleh pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan tentulah kesemuanya yang memberi faedah kepada rakyat dan kepada negara.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengingatkan lagi di masa-masa yang akan datang di samping saya sokong peruntukan tambahan ini juga, di masa-masa yang lepas apa sahaja yang difikirkan perlu oleh Kerajaan untuk menyelamatkan rakyat, untuk menambahkan kemakmuran rakyat dan menstabilkan ekonomi rakyat, maka saya berpendapat apa sahaja patutlah dibelanjakan oleh Kerajaan walaupun perkara itu belum diluluskan dahulu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di sini saya mencontohkan satu, perkara-perkara yang telah berlaku dalam negara kita hari ini boleh jadi walaupun peruntukan yang kita luluskan pada tahun ini agak saya tidak mencukupi, saya contohkan Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di atas apa yang berlaku yang amat dahsyat iaitu berkenaan dengan pendatangan haram.

Tuan Yang di-Pertua, pendatangan haram telah datang dalam negara kita hari ini agaknya lebih daripada angka 47,000 khasnya yang paling banyak sekali ialah di Pantai Timur Malaysia Barat. Saya amat takut, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kenangkan balik peristiwa yang telah berlaku dalam negara kita, kalau tidak silap saya di tahun 1939 yang mana di kala itu negara yang berhampiran dengan kita iaitu negara Thai berkehendakkan semua rakyat Thai mestilah menjadi rakyat Thai yang tulin. Dengan sebab itu ada di antara pendatang-pendatang ataupun penduduk-penduduk yang ada pada masa itu di negara Thai oleh sebab mereka tidak mahu menjadi rakyat Thai yang tulin dengan mengikut syarat-syarat yang tertentu maka banyak daripada mereka ini telah datang ke negara yang hampir sekali, negara jiran iaitu negara kita Malaysia. Dengan sebab itu saya berani contohkan negeri saya sendiri iaitu negeri Perlis, satu negeri yang paling kecil dan paling utara dalam Malaysia yang saya dapat tahu kebanyakan penduduk-penduduk Perlis yang ada pada hari ini bukanlah kesemuanya, tetapi ada di antara penduduk-penduduk Perlis yang ada pada hari ini yang mereka itu lari di masa pemerintahan Siam yang saya katakan tadi, kalau tidak silap saya tahun 1939, datang masuk ke Malaysia khasnya ke Perlis dan ada di

antaranya yang telah menjadi jutawan; yang namanya tidak patut saya sebutkan dalam Dewan ini, iaitu masuk secara menjadi pendatang haram. Mereka boleh menjadi kaya-raya dalam negara kita dan boleh mengundi dan boleh menjadi seribu satu macam.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah takut di masa yang akan datang, oleh sebab pendatang haram yang telah terlampau banyak di dalam negara yang lebih daripada 47,000 kalau kita tidak kawal dengan rapi, harus di suatu hari rakyat kita khasnya Bumiputra akan terhimpit dan kebuluran di dalam negaranya sendiri. Saya katakan begini, kerana telah berlaku di dalam negeri saya sendiri iaitu negeri Perlis. Saya contohkan pada tahun 1939, pada hari ini mereka telah menjadi kaya-raya dan jutawan, asalnya sebagai pendatang haram. Ini yang saya takutkan. Dengan sebab itu saya haraplah kepada Kerajaan supaya dikawal dengan rapi khususnya di pantai-pantai dan laut-laut yang berhampiran dengan sempadan negeri Thai. Kita tahu, kalau tidak silap saya Jepun dulu pun datang melalui negeri Perlis, negeri Thai dan mengikut lautan di sebelah pantai timur. Mereka tidak mendarat sebelah Port Dickson sebab di sebelah sini boleh dikatakan dekat dengan Indonesia, laut itu boleh nampak oleh pihak rakyat Indonesia.

Tetapi macam sebelah pantai timur Malaysia Barat kita seperti Trengganu dan sebagainya, patutlah dikawal dengan rapi. Ini saya amatlah takut bagaimana yang saya katakan tadi kerana perkara ini pernah berlaku di dalam negara kita di dalam tahun 1939 khasnya di masa yang saya katakan tadi Kerajaan Negeri Thai menjadikan semua rakyat yang ada di negaranya sebagai rakyat negeri Thai maka tatkala itu rosaklah pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada peri kemanusiaan, orang-orang yang betul-betul di dalam peperangan, kita terima. Tetapi kalau suasana sudah aman mereka datang ke tempat kita tentulah ada satu-satu tujuan dan matlamat jangka panjangnya. Saya tidak mahulah kata mereka ini akan menawan kita, tetapi kalau ada anasir-anasir yang tidak diingini bercampur atau bekerjasama di dalamnya, saya takut pada suatu hari keadaan ini akan berlaku. Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat, kalau hendak tambah peruntukan jika tidak cukup, saya

yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini sanggup memberi tambahan asalkan mendatangkan kebaikan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedia berlaku dengan secara pendatang haram yang tidak dapat menjadi rakyat Malaysia yang tulin. Saya tidak mahu membabitkan atau menyentuh perasaan mana-mana kaum. Tetapi telah menjadi adat kepada orang-orang Islam. Seseorang Islam kalau dia meninggal dunia, samada dia miskin atau kaya, maka mayatnya adalah diraikan oleh semua orang, diusung ke kubur dan diikuti oleh sanak-saudara, sahabat handai dan sebagainya. Tetapi saya tengok setengah-setengah kaum, ini adat masing-masing saya tidak mahu sentuh. Tetapi sebagai satu contoh, ada setengah kaum yang kaya ditaruh sampai dua tiga hari. Itu adat masing-masing. Tetapi kalau yang kecil-kecil jarang kita tengok adat itu orang ramai tahu. Kalaulah lain daripada Islam dan mati, kita tidak tahu. Dia mati mengikut adat istiadatnya dan kalau mati pun secara senyap-senyap. Apa yang saya paling takut dan biasa berlaku, ini patut dikawal oleh Kementerian yang berkenaan. Kalau seorang itu meninggal atau mati kita ada rekod beranak. Kita orang Melayu khasnya orang Islam kerana diketahui oleh umum, ini satu adat di dalam Islam. Satu orang yang mati telah menjadi wajib atau fardhu kifayah menziarahi orang yang mati. Kalau seorang yang menziarahi, akan melepaskan dosa orang lain. Tetapi kalau semua tidak menziarah, bererti akan dapat dosa itu kepada semua sekali, kalau seorang pun tidak ziarah. Ini adat orang Islam. Penganut-penganut agama lain saya tidak tahu. Tetapi yang saya katakan apa yang telah berlaku di Perlis sendiri. Ada di antaranya yang mati, report beranak yang awal tadi tidak dipotong. Maka digantikan dengan yang lain, cara pendatang-pendatang haram dan cara beranak di tempat lain. Ini biasa berlaku.

Maka dengan sebab itu saya merayulah kepada pihak-pihak yang berkenaan, kita bukan benci kepada kaum lain, saya tidak bercakap di sini semata-mata untuk Melayu, saya tahu, cara hidup di negara kita, kita ada berbilang kaum. Kita saling hormat-menghormati. Walaupun kita tahu pada hari ini bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, ugama kita menjadi ugama rasmi Persekutuan. Tetapi Kerajaan kita hari ini tidak

teguh pengikut-pengikut ugama lain untuk menjalankan ibadat cara masing-masing. Begitu juga bahasa lain. Tetapi yang rasmi ialah ugama Islam dan bahasa rasmi ialah bahasa Malaysia. Begitu juga bangsa-bangsa lain, kita hidupkan perpaduan kaum, kerana kita tahu, kalau kita hidup secara berbalah antara satu sama lain, kita tidak akan dapat hidup. Kalaulah kita katakan di sini kita ada bangsa lain, bangsa kita ada juga di Thai. Bangsa kita ada juga di negeri lain. Dengan sebab itulah atas sifat peri kemanusiaan kita kenalah hormat-menghormati. Tetapi kita mesti ikut cara aturan. Kalau yang beranak itu mesti ada pendaftaran beranak. Apabila mati hendaklah potong pendaftaran beranak yang mati itu, ini pernah berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itulah saya harap sangat-sangat, seperti yang saya katakan tadi, ya tidak ya, inilah negara kita baik Perlis, Kedah, Trengganu, Kelantan sampai ke Sabah, inilah negara kita. Kalau negara kita ini juga ditumpang duduk oleh orang yang haram dengan tidak diawasi, dengan berbagai-bagai cara seperti yang saya katakan tadi, saya takut, kita di sini akan lari ke tempat lain.

Sedangkan hari ini pun masih lari asal orang Melayu khasnya Bumiputra duduk di satu tempat, bila dibuka hutan, ke sana orang Melayu pergi. Bila datangnya tempat yang asalnya kampung, telah jadi bandar datang pula kaum pendatang. Akhirnya saya tidak mahu kata kita jadi sakai. Tetapi kalau tidak jadi pun, begitulah caranya, kalau kita tidak awasi. Apabila dua tiga ribu pun kita takut, inikan pula 47,000 lebih. Dengan sebab itu saya tegaskan sekali lagi kalau hendak minta banyak mana sekalipun, saya yakin termasuklah saya sendiri bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat tetap menyokong peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi dari segi keselamatan. Keselamatan ini adalah penting kerana kita hidup walau bagaimana kaya sekalipun, kalau tidak selamat, kita tidak boleh hidup dengan kekayaan. Sebab itulah pernah orang bila dia ditangkap atau dikidnap maka diminta tebusan. Walaupun dia hendak dapat wang \$1,000 atau \$100,000 amatlah payah. Tetapi untuk menjaga dirinya supaya selamat kadang-kadang diminta sampai \$100,000 untuk hendak

tebus dirinya supaya tidak dibunuh orang, dia sanggup memberi wang. Sebab saya katakan, keselamatan adalah satu perkara yang penting bagi negara dan pada tiap-tiap diri.

Sebab itulah orang sanggup memberi wang tebusan walaupun diminta banyak mana sekalipun asalkan nyawanya selamat. Inilah saya katakan keselamatan dari segi negara adalah penting dan bagi diri pun penting.

Dengan sebab itu saya suka tegaskan untuk menjaga keselamatan di samping mencegah pendatang haram, maka mata pencarian nelayan-nelayan hendaklah dibela. Saya sangat sedih, saya tidak tahulah di tempat lain. Tetapi saya rasa di tempat lain pun semacam, baik di Trengganu mahupun di pantai ataupun di laut. Satu contoh di tempat saya sendiri, di Perlis. Amatlah sedih dan kasihan jika kita lihat nelayan-nelayan pergi ke laut bawa bot dengan agak berpatutan, tetapi disamun oleh lanun-lanun yang tidak bertanggungjawab. Ini berlaku kerana kita tidak cukup kawalan. Kalau tidak silap saya pada bulan September yang lepas telah berlaku dua kali di Perlis. Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat kepada pihak yang berkenaan mengawasi perkara ini dengan betul-betul.

Selepas saya bercakap dari segi keselamatan, saya bercakap pula dari segi kemakmuran. Hidup kita ini hendak makan, tidak kira kecil ataupun besar, tiap-tiap manusia hendak makan. Kalau makan lebih daripada had pula dia akan menjadi mudarat. Tetapi kalau tidak makan langsung lebih lagi mudarat. Dengan sebab itu makan adalah perlu. Dengan sebab itulah, saya percaya, yang mana Kerajaan kita hari ini mengambil berat dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti dan dengan mengadakan Kementerian-kementerian masing-masing untuk memakmurkan negara kita, di samping meninggikan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup berbilang kaum dan keturunan ada yang kaya dan miskin. Jika di negara kita ini mempunyai golongan yang terlampau kaya dan terlampau miskin, ini tidak setabil. Jika keadaan ini berlaku maka keadaan negara kita pada suatu hari, saya yakin, akan menjadi semacam 13hb Mei. Kalau tidak berlaku pun keadaan tidak puas hati ini tidak

patut diadakan di dalam negara kita yang masih harmoni dan dapat sokongan daripada rakyat.

Saya amat dukacita, kalaulah dikaji, saya tidak nafikan langkah yang dijalankan oleh Kerajaan ini, perubahan kepada rakyat ini memang banyak. Tetapi macam mana berlaku kalau orang yang sudah lari, kalau lawan lagi, dia lagi lari deras, yang kemudian itu kemudian juga.

Saya tidak nafikan, kalau hendak bandingkan pendapatan rakyat pada hari ini dengan sebelum mereka dahulu amat tinggi tetapi ketinggiannya tidak boleh melawan orang yang telah tinggi. Macam saya katakan tadi orang yang tinggi dia tinggi lagi, orang yang rendah dia itu tinggi sedikit. Kalau hendak dikatakan dia lebih, payah sedikit. Perkara begini berlaku, kepada pak tani di luar bandar.

Saya suka tegaskan kepada Kerajaan yang ada pada hari ini iaitu Kerajaan secara demokrasi, dia tidak kira yang mengundi itu pak tani, orang luar bandar, dalam bandar, yang kaya ataupun yang miskin, besar ataupun kecil, cacat atau tidak cacat, daftar masuk pilihanraya umur 21 tahun dia boleh mengundi. Kumpulan yang banyak mengundi dan yang mendapat suara lebih, orang itu menang jadi Wakil Rakyat. Saya berani kata satu kumpulan yang besar yang ada dalam Dewan ini pada hari ini mendapat majority sehingga boleh membentuk Kerajaan ialah daripada penduduk-penduduk luar bandar atau pak tani. Dengan sebab itu saya berharap patutlah kita bersama ingat kepada mereka kerana mereka memberi dorongan yang sangat kuat kepada kita.

Hari ini saya berasa malu, selalu saya sudah bercakap tetapi apa hendak buat kepada Wakil Rakyat daripada pak tani, kalau saya balik ke kampung itulah juga yang dicakap, baik tidak baik, malu tidak malu, terpaksa saya suarakan juga. Dan saya merasa amat sedih di segi pendapatan pak tani kalau dibandingkan dengan pendapatan-pendapatan yang lain amatlah lech dan amatlah jauh bedzanya. Yang paling malang sekali khasnya di negeri saya Perlis dan juga Kedah sesudah harga padi bertambah murah, beberapa kali Wakil Rakyat bercakap minta dinaikkan, tetapi

pengilang-pengilang yang mendapat keuntungan yang terlampau banyak, pak tani tidak mendapat keuntungan yang memuaskan kerana kos perbelanjaannya terlampau mahal. Tetapi bila diminta lagi bukan harga yang dinaikkan, bahkan diturunkan lagi, sungguhpun mempunyai kenyataan yang nyata dan kos perbelanjaan amatlah teruk yang mereka biyai. Saya sudah ulang dalam Dewan ini beberapa kali, saya tahu pak tani, saya bukan wakil petani tetapi saya sendiri biasa jadi pak tani. Kos perbelanjaan amatlah teruk, yang paling sedih sekali masalah orang tengah. Bila padi terlampau banyak mereka beli dengan harga yang murah, tetapi bila padi sudah tinggal 10% diberi dengan harga yang cukup tinggi, konon hendak jual beras mahal disebabkan mereka memperkatakan kena beli harga padi dengan harga yang mahal, tetapi tidak lebih daripada 10%.

Dalam Dewan yang mulia ini, walau di tempat mana sekalipun inilah yang menjadi hakikat yang sebenar, dan malangnya bila musim menuai akan berlaku dan mula berlaku harga padi mulai turun. Di Kedah, Perlis dan Seberang Perai sudah gelisah. Dia kata kita minta naikkan harga padi bukan dinaikkan, tetapi diturunkan sehingga \$24 sepikul.

Saya tidak tahu di mana letaknya silapannya dan pada hari Sabtu yang lepas iaitu 9hb Disember Wakil Rakyat dari Jerai dengan satu rombongan daripada Kedah tidak balik kerana berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk berbincang berhubung dengan harga padi kerana mendapat terlampau banyak desakan daripada pak tani. Apa yang terjadi saya sendiripun tidak tahu, walaupun pada hari ini saya biasa kata Kerajaan bagus, dia cuba memperbaiki kehidupan rakyat. Misalnya dari segi perindustrian dia mengawal berbagai-bagai harga, dia tidak bagi barang-barang masuk daripada negeri lain. Walaupun dibenar tetapi dengan keadaan-keadaan tertentu untuk hendak menjaga industri-industri yang ada dalam Malaysia kita, baik industri apa sekalipun, walhal kalau kita hendak jaga industri untuk satu golongan yang tertentu dan orang-orang yang tertentu khasnya dalam bandar. Kita sanggup kawal dan jaga industri tempatan khasnya pekerja-pekerja tempatan, dalam bandar saya tidak

mahu kata bukan Melayu ataupun Melayu, tetapi kalau ada Bumiputra sekalipun yang pekerjaanya boleh dikatakan buruh kasar dan kebanyakan kerja lain baik di segi kawalan ialah bangsa lain. Mengapa Kerajaan tidak sanggup kawal di segi harga hasil-hasil pertanian dan sebagainya? Tidak sanggup beri harga tinggi kepada peladang-peladang untuk menambahkan pendapatan pak tani, apatah lagi keadaan pada hari ini sudah jatuh ditimpa tangga, sudahlah harga padi tidak naik, walau diminta beberapa kali, sekarang penyakit kuku dan mulut bagi kerbau lembu telah berlaku, penyakit ini hendak diatasi oleh Kerajaan dan mungkin apa yang diperkatakan oleh Kerajaan boleh jadi betul.

Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, pada hari Sabtu yang lepas saya telah memanggil beberapa kumpulan dalam kawasan saya untuk membincangkan beberapa perkara sebagai Wakil Rakyat dengan pengundi mengenai peruntukan luar bandar dan sebagainya juga bagaimana mengatasi berkenaan penyakit kuku dan mulut kerbau lembu. Mereka memperkatakan kepada saya tidakkah ada jalan lain bagi Kerajaan selain daripada menembak kerbau-kerbau ini? Tidakkah ada cara lain seperti mengubat?

Saya kata kepada mereka penyakit-penyakit ini adalah merbahaya dan kalau terkena kepada manusia pun tidak ada ubatnya, bekasnya pun tidak ada. Perkara ini mereka mengakui tetapi yang sedihnya ada setengah daripada mereka ini yang cerdik dibawa lari kerbau-kerbau ini seperti yang berlaku pada tahun 1975 dahulu, kerbau ini dilarikan oleh orang kampung kerana tidak mahu ditembak oleh Kerajaan, walaupun mereka diberi gantirugi.

Saya telah menyatakan kepada mereka, Kerajaan akan memberi gantirugi apa yang hendak disayang? Mereka memperkatakan kalau dibawa lari ke lain tempat sampai hari ini kerbau itu masih boleh hidup dan beberapa ekor sahaja yang mati. Saya berharap kepada Kerajaan walaupun kita tembak dan kita bagi gantirugi tetapi di segi penduduk mereka percaya amat rugi kerana mereka mengatakan kerbau ini bukanlah kita boleh dapat dengan serta-merta peruntukan-peruntukan yang saya katakan, iaitu mendapat gantirugi dengan serta-merta. Hari ini negeri Perlis patut bersyukur kepada

Tuhan kerana pada petang semalam kalau tidak silap saya, saya baca akhbar *Utusan Melayu* yang menyiarkan kerbau di Pekan Kangar sudah boleh disembelih sekarang, maknanya kawalan tidak begitu ketat lagi. Saya berharap kalau hendak ditembak oleh pihak Kerajaan kajilah dengan teliti kerana ini memakan belanja yang banyak dan banyak juga yang hidup kalau tidak ditembak. Kalau dikaji betul-betul sepatutnya sekandang sahaja yang ditembak tetapi kadang-kadang yang jauhnya sebata, yang tidak berkenaan itu ditembak juga. Diharap Kementerian yang berkenaan mengkaji dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ter-senyum apabila saya menaiki kereta dalam negara kita ini, barangkali kereta saya mempunyai lambang Ahli Parlimen ketika lalu-lintas sesak di Kuala Lumpur ini pemandu teksi telah melihat ke pintu motokar saya: Yang Berhormat tidak tengok lambang-lambang, iklan-iklan negara kita khususnya di Kuala Lumpur sekali imbas seolah-olah kita ini bukan Malaysia dan kita seperti bukan penduduk bangsa Melayu dan Bahasa Malaysia jadi Bahasa Kebangsaan. Saya tersenyum kerana saya tidak kenal dengan driver teksi ini, dan saya katakan di dalam Dewan ini apa yang sebenarnya berlaku dan saya merasa malu mengapa driver teksi sanggup berkata begitu, pendek kata gedung-gedung perniagaan, segala bangunan-bangunan semuanya ditulis dengan bahasa-bahasa lain tidak ditulis dengan Bahasa Malaysia, kalau ada Bahasa Malaysia ditulis kecil di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengecil-gecilkan bahasa lain dan cara lain, tetapi saya biasa pergi ke negara Thai walaupun saya tidak selalu ke Bangkok. Negara Thai khasnya Haadyai saya berasa kagum di sana boleh dikatakan segala iklan, tulisan di kedai dan sebagainya tidak ditulis selain daripada bahasa Thai, dan rakyatnya sungguh-sungguh taat setia walaupun beliau orang Me'ayu ia kena bercakap Thai.

Sepintas lalu kita berasa sedih kerana orang Melayu kita sendiri seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri atau sesiapa pun pergi ke Haadyai sebelum sampai ke Haadyai, di tengah jalan misalnya di stesyen keretapi kita kedapatan dengan manusia-manusia yang tidak tahu bercakap Melayu. Kita

merasa yakin dia adalah orang Islam kerana terdapat lambang keislaman, kita ini bukanlah ditetapkan oleh Nabi, Islam ini pakai coat pun Islam juga, tidak pakai pun Islam juga. Tetapi jika sekiranya seorang hamba Allah memakai ketayap dengan lilit serban walau dia bangsa apa kita yakin dia adalah orang Islam, lainlah kalau di pakai secara Benggali, walau dia bercakap apa sekalipun kita percaya orang ini adalah Islam dan kita faham melihat dari segi batang tubuh dan ketayapnya. Tetapi apabila kita bertanya: Tok Lebai hendak ke mana? Dia tidak tahu bercakap Melayu kerana negara Thai yang berhampiran dengan kita, dia cukup jaga bahasa dan tulisan ibundanya, walau apa bangsa yang duduk di situ, dia beri kebebasan beragama, kalau tidak masakan orang ini boleh pakai ketayap. Di segi bahasa mesti guna bahasa negara yang menjadi bahasa kepada semua bangsa, tetapi mengapa negara kita tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Saya ulang beberapa kali dalam TV misalnya, negara Thai semua bahasa TV digunakan dalam bahasa Thai, datanglah cerita apa sekalipun, datanglah apa fesyen sekalipun, negara Thai menggunakan bahasa Thai, hak Kerajaan, Kerajaannya telah menjadikan bahasa rasmi bahasa Thai. Maka segala alat yang dipancarkan oleh alat Kerajaan dipancarkan dalam bahasa ibundanya, iaitu bahasa Thai. Tidak bolehkah kita menggunakan bahasa ibunda kita Bahasa Malaysia di segenap lapangan barulah bersesuaian dengan apa yang kita katakan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bermakna bukan bahasa untuk Melayu, bahasa untuk semua orang yang ada dalam negara kita Malaysia hari ini, di samping bahasa-bahasa lain kita tidak larang.

Saya berharap mengambil dalam Bulan Dakwah yang mulia yang kita tengok ini pula akan datang kepada dakwah pada 15 hari-bulan pembukaan rasmi, daripada 1 Muharram hari itu telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang Tuan Speaker kita sendiri menjadi Pengerusi Dakwah, kita ucapkan tahniah yang saya sendiri dengar ucapannya dalam TV pada hari itu. Saya berharap sesudahnya bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan, agama Islam menjadi agama rasmi dengan kita

membuat berbagai-bagai dakwah, saya berharap sebaran am Kerajaan khasnya radio dan TV Malaysia membanyakkan lagi di segi dakwah. Sepatutnya dalam Bulan Dakwah, Bulan Muharram yang kita mulakan pada 1 Muharram di segi TV patut dibanyakkan lagi dakwah. Saya tidak nafikan, saya tengok perubahan sedikit ada, sebelum daripada Warta Berita, kalau tak silap saya Warta Berita pukul 8.30 malam, pukul 8.20 malam adalah syiar agama sedikit sebanyak, tetapi saya ingat tidak begitu cukup dengan memandangkan keadaan Bulan Dakwah, jadi patut ditambahkan lagi dengan berbagai-bagai acara di dalam TV dan sebagainya. Tetapi dalam TV walaupun Bulan Dakwah, saya tidak marah, kerana dunia kita ini banyak orang, banyak pula peringkat manusia, ada yang tua, ada yang muda, yang muda barangkali tidak hendak yang tua tetapi ada yang muda yang tak berkehendak begitu tetapi patut yang muda ini saya percaya lagi seronok dalam TV itu banyak yang hendak tetapi ada yang tak suka.

Kita ambil kesempatan Bulan Dakwah, kalau boleh kurangkan sedikit dalam TV cara tarian-tarian yang saya tengok malam kelmarin, tiap-tiap malam pun ada, kurangkanlah sedikit, ambillah banyak sedikit cerita-cerita cara mengembangkan Islam bagaimana sejarah Islam dahulu masa Nabi, kemudian datang Saidina Abu Bakar yang begitu berkembang orang ikut banyak, maju, di segi ekonomi maju, di segi pemerintah maju, di segi satu-padu maju, ambillah sejarah kita ini jadikan cerita macam mana kita lakukan dalam Bulan Puasa. Sebelum hendak berbuka puasa, kita adakan cerita-cerita berkenaan dengan negeri Arab.

Saya berpendapat Bulan Dakwah ini patut kita adakan seperti itu juga, jangan ada hari sahaja dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kemudian diikuti dengan siapa yang suka hadir. Macam di Perlis ada beberapa masjid diadakan malam dakwah, selain daripada itu sebaran am ini boleh dikatakan, kalau ada pun macam saya katakan tadi tak lebih daripada 10 minit masa tambahan, kerana di situ manusia ini tertumpu sungguh, sebaran amlah yang boleh dikatakan manusia amat tertumpu, baik buruknya membawa manusia, sebaran am, khasnya macam TV, radio dan sebagainya ini amatlah berkesan.

Dengan sebab itu saya merayu kepada pihak TV Malaysia kita ikutkanlah guna, kalau masa Bulan Dakwah ini, gunakanlah sehabis-habis tetapi TV ini saya tak larang, di segi lain saya puji. Misalnya, masa sekarang ini Asian Games di Bangkok, tiap-tiap hari TV dan radio beri laporan walaupun tak terus-menerus kita dapat tahu. Kalau di segi sukan kita beri laporan itu dan ini, di segi dakwah, ambil sempena Bulan Dakwah ini, saya berharap kita lebihkanlah lagi barulah ugama Islam menjadi ugama rasmi kita menguatkan cara dakwah, mengikut cara apa yang dikatakan oleh Nabi, cara sunnah Rasulullah yang sejati. Moga-moga Tuhan akan berkati dengan kehendak kita.

Akhirnya saya berharap sekali lagi macam saya kata tadi, saya sokong peruntukan ini di samping saya berharap kalaulah difikirkan oleh Kerajaan apa sahaja membawa keselamatan kepada negara cara tergepar, kemakmuran khususnya di segi keamanan, macam Kementerian Pertahanan menambahkan askar lebih banyak lagi, apatah lagi keadaan masa sekarang amat perlu, kalaulah tak cukup hendak jaga pendatang haram yang saya katakan tadi akan jadi bahaya kepada negara kita masa akan datang, kalau hendak kena tambah 1/4 daripada belanja negara lagi pun—tambahlah, asalkan keselamatan negara itu terjamin. Macam saya kata tadi manusia sanggup keluaran wang banyak, macam orang kena kidnap dan sebagainya, syaratnya dia dapat keselamatan. Maka begitulah negara kita, untuk menambahkan kemakmuran, menambahkan keselamatan, belanjalah wahai Kerajaan, bagi pihak kita di sini akan menyokong asalkan perkara itu membawa kebaikan kepada negara, kemakmuran dan keharmonian.

4.37 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil masa sedikit memberi penjelasan di atas satu dua perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar terutama sekali berhubung dengan usaha meninggikan pendapatan petani-petani dan juga berhubung dengan penyakit kuku dan mulut yang berlaku sekarang ini.

Saya ingin mengambil peluang menerangkan secara ringkas sahaja. Yang pertama saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang begitu mengambil berat tentang keadaan penderitaan yang dialami oleh petani-petani kita sekarang ini dan saya berharap dan merayu kepada semua pihak, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat itu bahkan semua pihak yang bersangkutan, termasuk juga pengguna-pengguna dan orang-orang tengah supaya mempunyai perasaan yang sama dan bertimbang rasa dan sama-sama berikhtiar bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha dengan berbagai-bagai cara bagi menambahkan pendapatan petani-petani kita dan juga meninggikan taraf hidup mereka.

Berhubung dengan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan kebimbangannya tentang penyakit yang berlaku sekarang ini, iaitu penyakit kuku dan mulut, sukalah saya menyatakan secara ringkas, sebenarnya penyiasatan telah dijalankan dengan rapi oleh pihak Jabatan Haiwan sebelum sesuatu pemusnahan terhadap lembu-lembu yang terlibat itu dilakukan tetapi patutlah juga difahami bahawa di satu-satu kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan yang terlibat dengan penyakit ini pihak kita tidaklah dapat mengambil risiko, iaitu membiarkan perkara itu berlanjutan kerana jika dibiarkan dan tidak diambil tindakan dengan cepat, dengan serta-merta mungkin kadar merebaknya penyakit itu akan berjalan dengan lebih cepat dan akan lebih meluas dan boleh merebak kepada kawasan-kawasan yang lain, di tempat-tempat lain juga. Dengan sebab itu tindakan diambil dengan serta-merta bagi memusnahkan binatang-binatang ternakan yang dianggap dan disahkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan sebagai yang terlibat dengan penyakit yang tersebut itu.

Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan juga bahawa pihak Kementerian berikhtiar supaya sebarang binatang ternakan yang dimusnahkan di atas tujuan seumpama itu akan dibayar gantiruginya dengan serta-merta kepada petani-petani yang terlibat, bahkan telah diberikan arahan-arahan dan dibuat peraturan-peraturan supaya pembayaran dibuat dengan serta-merta secara

tunai. Tetapi patutlah juga difahamkan masalah-masalah telah dihadapi oleh pegawai-pegawai yang bertugas, terutama sekali di kampung-kampung untuk membawa jumlah wang tunai yang banyak, maka dengan sebab itu barangkali terpaksa bayarannya ditangguhkan sehari dua sehingga dapat disediakan cek-cek bagi mengelakkan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyatakan di sini bahawa suatu rancangan pemulihan sedang difikirkan. Petani-petani yang terlibat yang menerima kerugian dengan sebab pemusnahan binatang-binatang ternakan mereka atas penyakit-penyakit yang disebutkan itu, akan diberi keutamaan kemudiannya kelak apabila pihak Kementerian Pertanian dapat mengatur rancangan pemulihan dengan pembahagian semula ternakan-ternakan untuk dipelihara apabila kawasan-kawasan yang berkenaan itu diisytiharkan atau dianggap sebagai kawasan selamat dan penternakan boleh dimulakan semula, maka bagi petani-petani yang terlibat itu yang telah mempunyai pengalamannya menternak binatang-binatang ternakan mereka dan telah mengalami kerugian dengan sebab penyakit yang tiba ini akan diberi keutamaan.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

4.42 ptg.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah membuat beberapa komen-komen terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan ini dan juga atas pandangan beliau terhadap Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini.

Saya hanya ada beberapa perkara sahaja yang saya hendak sebutkan. Pertama, pihak Kerajaan akan sentiasa mengesan dan juga mengawal supaya setiap jumlah perbelanjaan sama ada Perbelanjaan Mengurus ataupun Perbelanjaan Pembangunan akan digunakan untuk mencapai matlamat-matlamat negara dan juga masyarakat, terutamanya matlamat untuk mengurangkan jurang perbezaan sosio-ekonomi yang memang masih terdapat di negara kita ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan tadi, memanglah kita insafi bersama bahawa masih terdapat juga jurang-jurang pendapatan di antara kelompok-kelompok dan golongan masyarakat di negara kita ini. Itulah sebab, kita telah mengadakan beberapa peruntukan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan, khususnya mereka yang secara langsung atau tidak langsung mengendalikan usaha-usaha pembangunan yang boleh mengurangkan jurang perbezaan ini.

Begitu juga pihak Kerajaan akan mengawasi supaya kesan-kesan dan juga hasil-hasil daripada setiap perbelanjaan itu adalah seperti yang dijangkakan dan usaha mengesan ini akan sentiasa dijalankan dengan cermat dan licin. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan

- (1) Bagi tahun kewangan 1977—untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk maksud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan;
- (2) Bagi tahun kewangan 1978—untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadang untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran

(projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.”

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkaitan dalam Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan perbelanjaan.

*Kepala B. 1, B. 3, B. 5, B. 6, B. 10, B. 13 dan B. 14 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 1, B. 4, B. 8, B. 9, dan B. 14 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 8 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), )1978—*

4.48 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977 berjumlah \$7,443,000 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1978, berjumlah \$72,096,884 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978 berjumlah \$11,699,204 diluluskan.

Tuan Pengerusi, di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977, peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah untuk pembayaran tunggakan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Jumlah peruntukan tambahan bagi setiap satu Maksud Bekalan B. 1, B. 3, B. 5, B. 6, B. 10, B. 13 dan B. 14 adalah seperti diturunkan dalam Kertas Perintah 28 Tahun 1978.

Bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 pula, sukalah saya menghuraikan satu persatu jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan bagi setiap satu maksud bekalan.

*Maksud B. 1—Parlimen*

Tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$1,294,106 dan sebanyak \$1,184,500 daripada jumlah ini adalah untuk menggantikan kelengkapan pejabat seperti kerusi, meja dan permaidani untuk ruangan istirahat, bilik Tuan Yang di-Pertua dan bilik-bilik minum Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan juga perabut di bilik-bilik Menteri. Tambahan selebihnya adalah untuk membaiki kantin Parlimen, pemasangan lampu hiasan, mengadakan bilik rawatan kecemasan dan untuk menampung perbelanjaan dan pemberian berkaitan dengan Persidangan Jawatankuasa Persatuan Parlimen Komanwel yang diadakan di Pulau Pinang.

*Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya*

Suruhanjaya Pilihanraya memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$1,667,840 dan sebanyak \$829,000 daripada jumlah ini adalah untuk percetakan dan pembelian perkakas-perkakas berkaitan dengan persiapan Pilihanraya Umum tahun 1978. Sebanyak \$334,540 adalah untuk membeli 7 Mesin Offset untuk menggantikan yang lama dan adalah diperlukan untuk mencetak Daftar-daftar Pemilih. Peruntukan tambahan selebihnya adalah untuk menampung perbelanjaan sewa pengangkutan dan membuat sekatan ruangan pejabat berkaitan dengan pemindahan pejabat Suruhanjaya Pilihanraya ke Pejabat baru yang ada sekarang.

*Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri*

Jabatan Perdana Menteri memerlukan tambahan peruntukan sebanyak \$44,734,200 Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah di bawah butiran Kod 4100, Bayaran Pindahan iaitu \$14 juta projek kecil pembangunan, \$19 juta untuk menampung perbelanjaan sebarang kemungkinan bagi suku akhir tahun 1978, \$1,000,070 untuk bantuan pinjaman yang merupakan alat-alat kemudahan perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra dan \$370,000 sebagai sumbangan kepada Majlis Kebangsaan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia.

Peruntukan tambahan sebanyak \$2.5 juta adalah diperlukan untuk kegiatan amalan makanan dan pemakanan dan wang ini adalah dibahagi-bahagikan kepada agensi-agensi pelaksanaan, iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Jabatan Haiwan dan Jabatan Pertanian.

Peruntukan sebanyak \$2,283,000 adalah diperlukan berkaitan dengan kajian mengklasifikasikan kampung-kampung di seluruh Malaysia mengikut taraf kemajuan, mengadakan pertandingan kampung-kampung yang setaraf dan membuat kajian mendalam kampung contoh: mengadakan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah dan Pertunjukan Pertanian adalah juga sebahagian daripada bidang tindakan dalam projek ini.

Sebanyak \$1.5 juta pula diperlukan untuk membiayai pentadbiran dua buah Jabatan yang telah diwujudkan pada akhir tahun 1977, iaitu Pejabat Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan dan Yunit Penyertaan Bumiputra di Pulau Pinang.

Peruntukan sebanyak \$847,000 adalah diperlukan bagi memajak York House di London untuk selama 99 tahun dan tambahan sebanyak \$1,561,000 adalah untuk membiayai perbelanjaan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan rombongan keluar negeri.

Selain daripada yang disebutkan di atas, peruntukan tambahan selebihnya adalah diperlukan berhubung dengan urusan pentadbiran Pejabat seperti membuat sekatan dan sewaan ruangan pejabat tambahan, pembelian alat-alatan pejabat dan lain-lain.

*Maksud B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam*

Peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah sebanyak \$24 juta. Keseluruhan tambahan ini adalah untuk membayar elaun tambahan pencen kepada pesara-pesara tempatan. Kadar kenaikan elaun pencen yang diluluskan ialah 20% dan dikuatkuasakan mulai 1hb Julai, 1977.

*Maksud B. 14—Jabatan Perangkaan*

Jabatan Perangkaan memerlukan tambahan peruntukan sebanyak \$400,738 untuk membeli alat data input system yang baru bagi negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk menggantikan alat data input system yang sedia ada yang telah digunakan selama 12 tahun dan usang.

Tuan Pengerusi, di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Bilangan 1 tahun 1978 pula, Jabatan Perdana Menteri memerlukan peruntukan Pembangunan tambahan sebanyak \$11,699,204 iaitu sejumlah \$10 untuk Butiran (Projek) 3, \$749,194 untuk Butiran (Projek) 17 dan \$10,950,000 untuk Butiran (Projek) 23.

Butiran (Projek) 3 iaitu, Penilaian Punca-punca Alam Semula-jadi telah diberikan peruntukan sebanyak \$60,000 dan sebanyak \$46,361 telah dibelanjakan dalam tahun 1976 dan 1977. Bakinya sebanyak \$12,639 adalah dikehendaki dalam tahun ini bagi menyelesaikan bil-bil yang belum dibayar. Oleh kerana tiada peruntukan disediakan di dalam tahun 1978, peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan bakinya diperolehi secara pindah peruntukan. Dewan ini adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi menggantikan pendahuluan tersebut dan meminda anggaran harga butiran daripada \$60,000 kepada \$136,000.

Butiran 17—Sistem Data Cantuman Negara ini memerlukan sebanyak \$1,149,194 bagi membolehkan Universiti Sains Malaysia melaksanakan projek ini dan jumlah itu sebanyak \$400,000 telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan, 1978 dan dengan itu peruntukan tambahan sebanyak \$749,194 adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan tersebut. Dewan ini adalah diminta meluluskan tambahan sebanyak \$749,194 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran harga Butiran daripada \$1,550,000 kepada \$2,210,000.

Butiran 23, iaitu Penyelenggaraan Jalan-jalan Kampung, telah disebutkan dengan detail oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya menyusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) tahun 1978 diluluskan.

Masalah dikemuka, bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$400,000 untuk Kepala B. 1, \$2,100,000 untuk Kepala B. 3, \$400,000 untuk Kepala B. 5, \$41,000 untuk Kepala B. 6, \$3,340,000 untuk Kepala B. 10, \$160,000 untuk Kepala B. 13 dan \$1,002,000 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$1,294,106 untuk Maksud B. 1, \$1,667,840 untuk Maksud B. 4, \$44,734,200 untuk Maksud B. 8, \$24,000,000 untuk Maksud B. 9 dan \$400,738 untuk Maksud B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$11,699,204 untuk Maksud P. 8 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

*Kepala B. 16, B. 17, B. 19, B. 20 dan B. 21 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 16, B. 20 dan B. 22 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 15, P. 16 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978—*

5.03 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 dan Tambahan Pertama 1978 serta Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan Pertama), 1978 di bawah Kepala Bekalan 15 Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan serta Kepala Bekalan 16 yang dahulunya Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan Jabatan-jabatan di bawahnya yang merupakan tanggungan Kementerian saya.

Jumlah dipohon ialah \$37,145,634 dan daripada jumlah tersebut, sejumlah \$2,787,000 adalah bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1978 dan baki sebanyak \$32,981,219 adalah bagi Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1978.

Tuan Pengerusi, secara ringkas Anggaran-anggaran yang dipohon adalah seperti berikut:

*Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977—*

Kepala B. 16 (Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan)	\$ 270,000
Kepala B. 17 (Jabatan Perancang Bandar dan Desa)	\$ 200,000
Kepala B. 19 (Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara) ... ..	\$ 650,000
Kepala B. 20 (Jabatan Percetakan) ... ..	\$ 1,650,000
Kepala B. 21 (Jabatan Pertahanan Awam) ...	\$ 17,000

*Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978—*

Maksud B. 16 (Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan)	\$ 55,300
Maksud B. 20 (Jabatan Percetakan) ... ..	\$ 1,115,000
Maksud B. 22 (Jabatan Perpustakaan Negara) ...	\$ 207,118

*Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Pertama, 1978—*

Maksud P. 5 (Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan)	\$ 4,656,624
Maksud P. 16 (Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan)	\$26,862,058
Maksud P. 20 (Jabatan Percetakan) ... ..	\$ 1,462,534

Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$270,000 untuk Kepala B. 16, \$200,000 untuk Kepala B. 17, \$650,000 untuk Kepala B. 19, \$1,650,000 untuk Kepala B. 20 dan \$17,000 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$55,300 untuk Maksud B. 16, \$1,115,000 untuk Maksud B. 20 dan \$207,118 untuk Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian

daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$4,656,624 untuk Maksud P. 15, \$26,862,058 untuk Maksud P. 16 dan \$1,462,534 untuk Maksud P. 20 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang dengan segala hormatnya saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

5.10 ptg.

*Kepala B. 22 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya—peruntukan tambahan bagi Belanja Mengurus tahun 1977 sebanyak \$540,000 di bawah Maksud Bekalan B. 22 dan peruntukan tambahan Anggaran Pembangunan tahun 1978 sebanyak \$22,594,000 di bawah Maksud Bekalan P. 23 yang kesemuanya berjumlah \$23,134,000 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1977 dan 1978.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak \$540,000 untuk Belanja Mengurus tahun 1977 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian saya berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatan-kuasa Kabinet tahun lalu.

Mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 pula sebanyak \$22,594,000 adalah diperlukan sebagai peruntukan tambahan di bawah Maksud Bekalan P. 23, Pecahan Perbelanjaan adalah seperti berikut:

- (i) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC), Butiran (Projek) 2—\$17,464,000.
- (ii) Lembaga Tembakau Negara, Butiran (Projek) 4—\$5,000,000.
- (iii) Penyiasatan Kaji Punca Air Bumi, Butiran (Projek) 65—\$130,000. Kesemuanya berjumlah \$22,594,000.

*Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC):* Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia telah diperuntukkan sebanyak \$132,862,000. Dari jumlah ini sebanyak \$39,206,000 adalah di dalam bentuk pinjaman dan \$93,656,000 dalam bentuk equiti.

Sebanyak \$37 juta adalah dikehendaki bagi tambahan modal saham MARDEC bagi membolehkannya mempergiatkan lagi aktiviti programnya. Dengan tambahan equiti ini, nisbah debt/equitinya akan berkurangan dan paid-up capitalnya bertambah daripada \$25 juta kepada \$62 juta. Oleh kerana peruntukan sebanyak \$19,536,000 telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan 1978 maka tambahan sebanyak \$17,464,000 adalah dikehendaki sekarang bagi membiayai perbelanjaan di atas.

*Lembaga Tembakau Negara:* Sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Tembakau Negara untuk dijadikan modal pusingan bagi sekim pengedaran baja. Modal pusingan ini digunakan oleh lembaga untuk memperolehi baja daripada pembekal-pembekal dengan cara bayaran tunai. Peraturan ini membolehkan penanam-penanam tembakau memperolehi baja-baja tembakau dengan harga yang lebih rendah lagi.

*Penyiasatan Kaji Punca Air Bumi:* Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi Malaysia memerlukan \$130,000 sebagai peruntukan tambahan bagi membiayai pembelian 2 buah lori dan sebuah "portable rotary rig". Kenderaan dan alat yang diperolehi ini adalah untuk kegunaan projek penyiasatan Kaji Punca Air Bumi satu-satunya projek yang semakin penting dewasa itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan tambahan sebanyak \$23,134,000 yang telah didahulukan daripada simpanan luarjangka diluluskan serta dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1977 dan 1978.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$540,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak

\$22,594,000 untuk Maksud P. 23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang dengan hormatnya dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerianannya.

*Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—*

5.18 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978 bagi Kementerian Pertanian seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan sebanyak \$9,300,000 dikehendaki dalam tahun 1977 di bawah Kepala B. 23 Kementerian Pertanian bagi Pecahan-kepala 1100 dan sebanyak \$250,000 di bawah Kepala B. 24 Jabatan Pembangunan Koperasi bagi Pecahan-kepala 1100 juga.

Tambahan ini adalah untuk membayar tunggakan menggaji kakitangan Kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya berikutan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Jumlah ini dihitung oleh Perbendaharaan berdasarkan Penyata Perbelanjaan tahun 1977 yang disediakan oleh Akauntan Negara.

Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan sebanyak \$10,929,710 adalah dikehendaki bagi tahun 1978 untuk perkara-perkara di bawah Kepala P. 24.

Keterangan-keterangan berkenaan dengan pecahan-pecahan perbelanjaan adalah seperti yang terdapat di dalam Memorandum Perbendaharaan sebagaimana yang dibentangkan di bawah Kertas Perintah 23/1978 dan Kertas Perintah 29/1978.

Tuan Pengerusi, saya pohon peruntukan Belanja Mengurus Tambahan sebanyak \$9,550,000 bagi tahun 1977 dan Belanja Pembangunan Tambahan sebanyak \$10,929,710 bagi tahun 1978 seperti yang telah diterangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,300,000 untuk Kepala B. 23 dan \$250,000 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$10,929,710 untuk Maksud P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerianannya.

*Kepala B. 25 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 25 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—*

5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977 yang berjumlah \$3,205,000, Tambahan Pertama tahun 1978 yang berjumlah \$1,130,724 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1978 yang berjumlah \$3,715,612 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1977 dan 1978.

Tambahan sebanyak \$3,205,000 adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan mengurus Kementerian ini dalam tahun 1977. Dari jumlah ini sebanyak \$2,739,618 adalah diperlukan bagi bayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian ini berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Tambahan sebanyak \$1,130,724 yang dipohon untuk Anggaran Mengurus Tambahan Pertama tahun 1978 adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan bagi menubuhkan 4 buah Pusat Galakan Pelaburan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, dan bagi mengadakan sistem PABX Otomatik, kelengkapan pejabat dan kerja-kerja tambahan di pejabat baru Kementerian dan juga bagi penyertaan dalam

Pameran Perdagangan Malaysia di Jeddah dan bagi menghantar Rombongan Perdagangan ke Libya, Saudi Arabia, Kuwait, Bahrain, Abu Dhabi dan Dubai.

Jumlah sebanyak \$3,715,612 yang mana \$2,052,000 cara langsung, dan \$1,663,612 pinjaman, yang dipohon untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1978 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (i) Jumlah sebanyak \$2,052,000 adalah dikehendaki bagi melaksanakan projek "Langkawi Country Club".
- (ii) Sebanyak \$4,000,000 telah diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan bagi penyertaan ekuiti Perbadanan tersebut di dalam "Holiday Villages of Malaysia Sdn. Bhd." Dari jumlah ini sebanyak \$2.4 juta telahpun dikeluarkan dalam tahun 1977 sebagai ansuran pertama dan kedua. Mengikut jadual pengeluaran perjanjian pinjaman sebanyak \$1.6 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1976 sebagai pembayaran ansuran yang ketiga dan keempat.
- (iii) Sebanyak \$63,612 adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan bagi menjelaskan baki bayaran ikhtisas kepada Akitek Jurubena Bertiga di atas penyediaan Pelan Bangunan Lembaga tersebut di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977 sebanyak \$3,205,000, Tambahan Pertama tahun 1978 yang berjumlah \$1,130,724 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1978 yang berjumlah \$3,715,612 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B. 25 berjumlah \$3,205,000 dalam Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 dan juga Maksud B. 25 sebanyak \$1,130,724 dalam Anggaran Tambahan Pertama Tahun 1978 dan Maksud Pembangunan P. 25 berjumlah \$3,715,612 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

5.28 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Saya merujuk kepada Kertas Perintah 29/1978 Kepala B. 25, Pecahan-kepala 2500, Pecahan (10) bersabit dengan Penyertaan Bumiputra di mana di situ telahpun diperuntukkan wang tambahan sebanyak \$57,000. Saya minta penjelasan sedikit, apakah belanja yang diperlukan untuk \$57,000 itu di bawah Kepala Penyertaan Bumiputra?

Yang kedua, saya merujuk kepada Kertas Perintah 23/1978 Maksud P. 25 bersabit dengan Butiran (Projek) 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan di mana mengikut di sini sebanyak \$4,000,000 telah diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan bagi penyertaan ekuiti Lembaga tersebut di dalam "Holiday Villages of Malaysia Sdn. Bhd." Saya minta izin untuk dapat penjelasan, apakah kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang telahpun dijalankan oleh Holiday Villages of Malaysia Sdn. Bhd. dan kedua untuk hendak bertanya, apakah sebab-sebab yang mendorong Kerajaan mengambil ekuiti di dalam Lembaga tersebut?

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada lagi perbahasan, saya minta penjelasan itu diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

4.30 ptg.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soal mengenai pecahan-kepala 2510 berkehendakkan \$57,000 di bawah Penyertaan Bumiputra, ini ialah untuk menguruskan Bahagian Penyertaan Bumiputra di dalam Kementerian saya.

Berkenaan dengan pinjaman \$4 juta yang diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan, seperti yang saya katakan tadi ini ialah penyertaan ekuiti Perbadanan itu di dalam syarikat yang dinamakan Holiday Villages (Malaysia) Berhad. Dan ini ialah satu syarikat yang menggalakkan pelancung-pelancung untuk melawat Malaysia dan syarikat ini ada rancangan untuk mendirikan motel-motel dan sebagainya yang mana kita boleh memperbaiki kemudahan-kemudahan. Yang saya minta tadi ialah baki daripada \$4 juta iaitu \$1.6 juta dikehendaki dalam tahun 1978. Sekian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,205,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$1,130,724 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$3,715,612 untuk Maksud P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerianya.

*Kepala B. 27 (Jadual Pertama)—*

5.34 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, saya minta izin memohon supaya peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sebab-sebab permintaan ini diminta adalah tertera di dalam Kertas Perintah 39/78 dan Kertas Perintah 20/78.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

5.35 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, cuma saya minta Timbalan Menteri berkenaan menyatakan apakah sebab-sebab peruntukan itu diperlukan kerana merujuk kepada Kertas Perintah yang diberi tidak mencukupi. Saya minta penjelasan sedikit kepada Ahli-ahli Parlimen di sini supaya di dalam mengutarakan peruntukan itu beri sedikit penjelasan apakah sebab-sebab wang tambahan itu diperlukan.

**Tuan Pengerusi:** Sebab tambahan ini ialah daripada apa yang tercatat di dalam Kertas Perintah itu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, jika Ahli Yang Berhormat itu dapat menyoalkan dengan lebih tepat lagi, kita dapat jelaskan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada Kertas Perintah 29/78 dan juga Kertas Perintah 23 dan sebagainya kerana banyak sangat kertas perintah, jadi saya hendak dapat tahulah apa yang diminta. Kerana yang hendak dikaji di sini empat kertas kalau hendak dibaca sekali gus rasanya tidak dapat hendak dibaca dalam masa 30 saat. Saya minta izin kalau dapat berilah sedikit kemudahan untuk . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Sepang ini hanya menyentuh Kepala B. 27 sahaja, tidak payah baca banyak-banyak. Kepala B. 27 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977. Itu sahaja.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Ya, itulah yang saya maksudkan. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata satu kertas sahaja tidak apa. Sebab beliau telah menyatakan banyak kertas. Jadi saya pun hairan, saya check kertas di sini, tidak ada peruntukan Muzium, cuma satu sahaja iaitu Kertas Perintah 29/78. Walhal Yang Berhormat Timbalan Menteri telah merujuk beberapa kertas lain yang mana tidak ada peruntukan yang diminta. Ini yang saya keliru tadi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya minta maaf, sebenarnya Kertas yang dirujuk adalah Kertas Perintah 29/78 di muka 13. Segala peruntukan tambahan yang diminta ini adalah untuk membayar tunggakan gaji kakitangan di bawah Muzium kerana Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$320,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 untuk Kepala B. 28 dan juga Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978.

*Kepala B. 28 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B.28 (Jadual Kedua)—*

5.38 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Hashim):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan berjumlah sebanyak \$63.36 juta di bawah Kepala B. 28 Kementerian Pertahanan seperti yang terbentang di dalam Memorandum Perbendaharaan berkenaan dengan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 sebanyak \$62 juta dan Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 sebanyak \$1.36 juta diluluskan. Dripada jumlah \$63.36 juta yang dipohon itu peruntukan sebanyak \$62 juta yang dikemukakan ini adalah untuk tambahan peruntukan mengurus 1977 dan adalah bagi perbelanjaan membiayai pembayaran tunggakan dan bagi kakitangan Kementerian ini berkaitan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Peruntukan tambahan sebanyak \$1.36 juta untuk tahun 1978 adalah diperlukan bagi menjelaskan baki dari tuntutan dibuat oleh Kerajaan Singapura berhubung dengan sewa tanah dan bangunan yang diduduki oleh Angkatan Tentera Malaysia di Singapura.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan untuk diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$62,000,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$1,360,000 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ketiga tahun 1977 dan Anggaran Tambahan Pertama tahun 1978 di bawah B. 29. Sila.

*Kepala B. 29 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 29 (Jadual Kedua)—*

5.31 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$315,500,000 di bawah Kepala Bekalan 29 Kementerian Pelajaran dimasukkan dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1977 dan peruntukan tambahan sebanyak \$12 juta di bawah Kepala Bekalan 29 Kementerian Pelajaran dimasukkan dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1978.

Di bawah Kepala 29 Kementerian Pelajaran jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$314,500,000 adalah untuk membiayai pembayaran gaji baru dan tunggakan gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan sekolah-sekolah berasrama penuh berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet di dalam tahun 1977. Keterangan bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada muka 8 dalam Kertas Perintah 28 tahun 1978 memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1977 bagi Kerajaan Malaysia.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$12 juta adalah bagi menambah peruntukan yang sedia ada untuk melaksanakan skim Amalan Makanan dan Pemakanan (A.M.P.) di sekolah-sekolah.

Tujuan Kementerian Pelajaran mengadakan skim A.M.P. ini adalah untuk memberi bantuan makanan kepada murid-murid miskin di sekolah-sekolah terutama di luar bandar bagi meninggikan kesihatan mereka supaya dapat menerima pelajaran dengan lebih berkesan. Di dalam tahun 1978 ini skim A.M.P. akan dilaksanakan di 46 buah daerah dan akan memberi faedah kepada lebih kurang 400,000 orang murid di 370,011 sekolah. Keterangan bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat di muka surat 7 dalam Kertas Perintah Bil. 20 tahun 1978, memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1978 bagi Kerajaan Malaysia.

Peruntukan ini telah didahulukan oleh Perbendaharaan Malaysia melalui Kumpulan-wang Luar Jangka dan di atas keterangan-keterangan tersebut, saya mohon supaya jumlah besar peruntukan sebanyak \$326,500,000 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 29 bagi Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977 dan Maksud yang sama Anggaran Tambahan Pertama 1978 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.35 *ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong supaya peruntukan tambahan belanjawan yang telah dibelanja oleh Kementerian Pelajaran ini diluluskan. Tetapi ada suatu perkara yang kemungkinannya penting dan perkara ini sudahpun dijalankan pada tahun 1978 bagi seluruh negara yang dimaksudkan A.M.P. (Amalan Makanan dan Pemakanan).

Pada masa pelancaran Amalan Makanan dan Pemakanan ke sekolah-sekolah saya dapati pihak Kementerian dan juga pegawai-pegawai yang ditugas khas bagi melaksanakannya sudah membuat berita-berita di dalam akhbar atau di mana-mana pun dalam sebaran am yang mengatakan bagaimana hebatnya Amalan Makanan dan Pemakanan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Bagi pihak rakyat apabila sahaja mendengar berita yang seperti ini, mereka terasa gembira oleh kerana pelaksanaannya melibatkan sebahagian besar kanak-kanak yang tidak dapat makanan yang cukup di rumah mereka, mereka akan dapat makanan dari pihak Kerajaan di sekolah-sekolah yang mereka belajar.

Tuan Pengerusi, di dalam pelaksanaan ini kemungkinan anggapan saya awal ataupun permulaan bagi peringkat tahun ini maka didapati sudah jadi satu masalah besar. Yang paling tidak begitu menarik apabila Amalan Makanan dan Pemakanan dilaksanakan kebetulan pilihanraya tiba pada tahun ini dan ini menyebabkan sudah menjadi satu issue di setengah-setengah tempat berkaitan dengan hal ini, iaitu ada didapati murid-murid yang dianggap oleh ibubapanya sepatutnya mendapat projek

Amalan Makanan dan Pemakanan kepada anak-anak mereka, tetapi tidak dapat dan kadang-kadang dianggap ada anak-anak yang sepatutnya tidak dapat, sudah dapat, artinya dalam penyusunan bagi melaksanakan Amalan Makanan dan Pemakanan kepada murid-murid di sekolah tidak puas hati oleh pihak ibubapa dan kemungkinan oleh kerana sekolah-sekolah ditadbir oleh sebuah badan yang disebut Lembaga Pengerus didapati juga Lembaga Pengurus pun tidak berpuas hati dengan keadaan di setengah-setengahnya. Dan oleh sebab sekolah sudah begitu maju pada masa ini dikelola oleh Persatuan Ibu Bapa maka didapati sebahagian daripada Persatuan Ibu Bapa pun sudah bercakap, sudah menyuara keadaan yang tidak puas hati yang timbul daripada masalah ini.

Sepertimana awal yang saya katakan tadi kemungkinan pada tahun ini adalah tahun bagi perlaksanaannya, bagi keseluruhan di sekolah-sekolah di dalam negara kita. Keadaan ini didapati berlaku. Misalnya di kawasan saya sendiri ada banyak sekolah dan daripada banyak sekolah itu, saya dapati ada sekolahnya yang keseluruhannya murid-murid dapat dan didapati ada sebahagian daripada sekolah pula tidak dapat. Murid-murid yang tidak dapat yang telah ditetapkan mungkin Projek AMP yang ditadbirkan oleh pihak sekolah itu menyebabkan ibubapa anak-anak tidak puas hati dan hal ini sudahpun dikemukakan kepada pihak Kerajaan supaya dapat diatasi. Daripada gambaran pendek yang saya sebutkan ini, saya percaya dapat difahami oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana keadaan yang terjadi dan kemungkinan terjadi seperti itu di mana-mana. Oleh sebab itu bagi tahun hadapan dan mungkin juga pada masa-masa hadapan peruntukan Amalan Makanan ini khasnya bagi sekolah-sekolah di luar bandar, janganlah dikira peratus seperti yang ada sekarang. Janganlah dikira peruntukan-peruntukan yang ada seperti yang ada sekarang. Yang saya maksudkan di sini supaya peruntukan Amalan Makanan dan Pemakanan ini hendaklah diberi kepada kanak-kanak sekolah dengan tidak dikecualikan lagi sama ada sekolah itu mempunyai murid yang seramai 100; 200; 400; 800 dan mereka pada keseluruhannya dapat menikmati sepertimana murid-murid yang sudah merasa.

Saya percaya dengan cara ini keadaan kegelisahan yang ditanggung oleh ibubapa yang menyebabkan mereka tidak puas hati dengan Kerajaan dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, di dalam Pelaksanaan Amalan Makanan dan Pemakanan ini dalam perhatian saya, saya dapati yang terlibat ialah guru-guru, di samping guru-guru mengajar dan mereka kadang-kadang disebut di dalam Dewan ini oleh kerana kegagalan pelajaran dan sebagainya. Mereka mempunyai satu tanggungjawab yang baru, mereka terpaksa menyediakan makanan mengikut projek amalan makanan dan pemakanan. Apabila projek ini telah diberi kepada sekolah-sekolah yang berkenaan pihak pentadbir sekolah itu hendaklah memasak makanan seperti nasi, lauk dan sebagainya untuk diberi makan kepada seluruh ataupun sebahagian daripada kanak-kanak sekolah itu pada masa mereka rehat dan ini satu tanggungjawab lain pula yang ditanggung oleh pihak guru-guru ataupun pihak pentadbir sekolah ini. Saya percaya sudah ada menambah satu tanggungan lagi, kemungkinan kelemahan mereka kepada tanggungan yang sudah sedia ada.

Selain daripada itu, saya diberitahu masalah kewangan yang dibelanjakan oleh pihak pentadbir sekolah yang dimaklumkan. Apabila sahaja mereka belanja saya telah diberitahu biasanya kewangan didahului oleh pihak pentadbir sekolah yang berkenaan dan kadang-kadang mengambil masa di dalam tempoh beberapa lama pula barulah kewangan didapati daripada pihak Kerajaan barulah dapat menyelesaikan hutang-hutang yang ditanggung oleh pihak sekolah-sekolah yang berkenaan. Ertinya pada pendapat saya, di samping mereka mempunyai tugas-tugas mengajar, mereka mempunyai satu tugas yang baru bagaimana dapat memberi makan anak-anak di sekolah dan di samping itu mereka mempunyai dua masalah: satu masalah menyediakannya dan satu masalah lagi masalah kewangan, tambahan pula kalau sekolah itu muridnya ramai.

Dalam hal ini saya berpendapat sebaiknya pihak Kerajaan mencari satu jalan supaya ia tidak melibatkan guru-guru yang menyebabkan kemungkinan kelemahan pelajaran pada masa-masa akan datang di sekolah-sekolah yang seperti itu, yakni masalah menyediakan makanan dan sebagainya seperti ini hendaklah dikhaskan kepada

orang-orang yang tertentu. Kalau Kementerian Pelajaran mengistilahkan orang-orang yang tertentu ini pegawai kepada menyediakan makanan di sekolah itu, saya pun akan menyebut ia pegawai ataupun pekerja atau sebagainya. Saya bermaksud tidak melibatkan pihak guru-guru di sekolah yang berkenaan.

Masalah kewangan yang saya katakan tadi jika dapat diberilah sepertimana dibayar kepada gaji guru-guru. Ertinya kalau dapat diberi lebih awal supaya dari segi pelaksanaan amalan makanan dan pemakanan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dalam ucapan saya ini, Tuan Pengerusi kemungkinan Timbalan Menteri yang berkenaan menganggap saya menyebut beberapa perkara yang tidak menarik perhatian tetapi sebenarnya saya ingin menjelaskan apa yang terjadi di dalam tempoh yang sedemikian kerana saya yakin apabila sahaja baik ia Menteri atau Timbalan Menteri ataupun sesiapa pegawai Kerajaan jika didapati masalah-masalah yang timbul seperti ini saya yakin akan dapat disiasat dan akan dapat diatasi. Di samping saya mengalu-alukan dapat disiasat dan dapat diatasi oleh pihak Kerajaan, saya mengalu-alukan supaya amalan makanan dan pemakanan dapat diperbesar daripada yang sedia ada sekarang.

5.55 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian sedikit berhubung dengan peruntukan tambahan Kementerian Pelajaran. Saya percaya dengan peruntukan ini membolehkan pihak Kementerian Pelajaran nanti membayar tunggakan kepada guru-guru mengikut Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya timbulkan di sini saya percaya pihak Kementerian tentu ada senarai guru-guru yang berkhidmat di dalam bandar dan juga guru-guru yang berkhidmat di luar-luar bandar. Apa yang saya maksudkan di sini saya amat bersimpati dengan penderitaan sebahagian daripada guru-guru kita yang berkhidmat jauh di luar-luar bandar, mereka tidak mendapat kemudahan sebagaimana guru-guru yang ditempatkan di bandar-bandar. Mereka kadang-kadang maklumlah

di kampung tidak ada rumah sewa yang di-hkaskan oleh pihak Kementerian. Mereka terpaksa hidup secara orang kampung dengan minum air perigi, dengan memakai lampu colok dan hidup sebagaimana juga kehidupan orang kampung. Kalau dipandang di satu segi memang baik supaya guru-guru ini menjadi contoh dan tauladan kepada orang kampung dan supaya guru-guru ini merasai bagaimana azabnya duduk di kampung. Tetapi bila kita tinjau di satu segi yang lain bahawa ianya pendidik yang mana sebelum dia dapat memberikan khidmat baktinya yang baik kepada anak-anak murid kita terlebih dahulu terpaksalah guru-guru ini di segi kesihatannya dan serba-serbi kemudahan yang sepatutnya mereka dapat. Apa yang saya harapkan melalui peruntukan tambahan yang dipohon ini pihak Kementerian Pelajaran akan dapat menimbangkan apa yang saya katakan tadi, iaitu kekurangan-kekurangan kemudahan kepada guru-guru.

Mengenai soal peruntukan tambahan yang dipohon B. 29 sebanyak \$12 juta itu saudara saya tadi telah menyentuh berkenaan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP). Walaupun sudah disentuh, saya juga ingin menambah dan menarik perhatian Kementerian Pelajaran bahawa pada masa ini apa yang diberitahu kepada saya peruntukan-peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah ini terlalu kecil, sehingga pernah satu masa di dalam kawasan saya sendiri apabila guru besar minta tolong dengan guru-guru penolongnya atau tukang kebunnya sehingga tidak ada yang sanggup untuk mengelolakan memasak makanan ini dan apabila dibuka tender kepada orang ramai tidak ada seorang pun yang sanggup dengan sebab peruntukan yang terlalu kecil. Jadi mahu tak mahu, bagaimana yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat saudara saya tadi Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) sekolah itu terpaksa mencari jalan hendak mengatasi masalah ini dengan meminta peruntukan daripada Persatuan Ibubapa dan Guru-guru bagi menampung belanja menolong memasak kepada peruntukan AMP yang diberikan itu.

Saya berharap melalui peruntukan yang dipohon ini supaya dapat dilebihkan lagi bantuan ini supaya benar-benar hasrat Kerajaan itu sampai kepada matlamatnya supaya murid-murid kita di kampung-kampung yang miskin itu dapat diberi. Ini memang tidak dapat dinafikan, sebelum ini

memang keadaan di kampung-kampung masih terdapat kadang-kadang anak-anak murid kita pergi sekolah tanpa ada sarapan. Itulah hasrat Kerajaan supaya bukan semua sekolah diberi AMP ini. Apa yang saya difahamkan sebahagian sekolah yang sudah dibanci oleh Kementerian yang dhaif, yang kebanyakan penduduk di situ miskin, sekolah itu sahaja yang dapat dan sekolah-sekolah lain-lain tidak dapat. Tetapi saya harapkan apabila pihak Kementerian memberi peruntukan itu biarlah memberi dengan sempurna supaya dapat dirasai nikmatnya benar-benar oleh murid-murid kita. Dengan itu saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

6.00 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang):** Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran ini. Walau bagaimana baik sekalipun rancangan yang telah diatur dan sedang berjalan, oleh sebab rancangan itu dan Kementerian ini adalah dirancangkan oleh manusia biasa, maka saya dengan segala sukacita memetik satu dua perkara untuk perhatian Kementerian ini.

Yang pertama, cogankata yang berbunyi: Sukan untuk Negara. Sebagaimana kita sedia maklum, masalah sukan ini adalah berpunca daripada kanak-kanak dan dilatih dari sekolah, daripada peringkat serendah-rendahnya sehinggalah ke peringkat setinggi-tingginya dalam negara ini ada sahaja kegiatan sukan. Tetapi agak malang sedikit, di sekolah-sekolah peruntukan sukan ini kecil benar, oleh sebab itu perlahan hendak disebutkan. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini Yang Berhormat bercakap di bawah Anggaran Tambahan mana?

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Anggaran yang diminta oleh Kementerian Pelajaran.

**Tuan Pengerusi:** Itu lain. Yang satu berkenaan dengan tunggakan bayaran gaji mengikut Sekim Kabinet dan yang satu berkenaan dengan Amalan Makanan dan Pemakanan.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Berkenaan dengan gaji yang saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi sukan sahaja nampaknya.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Ada hubungannya dengan gaji. Oleh kerana sukan-sukan yang berjalan di sekolah-sekolah itu sebahagian daripadanya terpaksa meminta derma daripada guru-guru—itu yang saya hendak sebut berhubung dengan gaji ini. Jadi, oleh kerana tanggungan guru yang begitu teruk sekali menjalankan tugasnya, saya tahu benar berkenaan dengan cerita guru ini, Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Cerita itu tidak payah panjang, tetapi gaji tadi bolehlah.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Sudahlah mereka bertenaga begitu bersusah payah, bersungguh-sungguh mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat dalam negara ini, maka derma-derma pula diminta dari mereka bagi menjayakan acara-acara sukan yang berjalan di sekolah itu. Oleh sebab itu, saya rasa dapatlah Kementerian ini menyediakan satu peruntukan berhubung dengan sukan ini dengan tidak payah Majlis Sukan ini memerlukan derma daripada gaji guru-guru dan kakitangan di sekolah-sekolah berkenaan.

Saya ingin bercakap sedikit sahaja dalam hal ini iaitu carilah satu jalan supaya kewangan dalam masalah sukan ini tidak dipetik daripada kewangan yang diperuntukkan kepada guru-guru dan kakitangan di sekolah-sekolah agar tidak menjejaskan nafkah mereka.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.03 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, dari Panting dan dari Tanjung Karang mengenai Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1977 dan 1978.

Saya suka menerangkan di sini mengenai tujuan ataupun hakikat Kerajaan mengadakan projek AMP di sekolah-sekolah, terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar. Memang Kementerian akui bahawa ada kritik-kritik daripada ibubapa dan juga daripada murid-murid sekolah sendiri yang mengatakan bahawa pelaksanaan projek AMP ini tidak berfaedah dan tidak memberi manfaat kepada golongan-golongan yang tertentu.

Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang bahawa kita tidak boleh memberi kepuasan (satisfaction) kepada semua rakyat samada mereka terlibat secara langsung ataupun tidak. Tujuan projek AMP yang memakan belanja sebanyak \$12 juta bagi pelaksanaan dalam tahun 1978 ialah pertama untuk menimbulkan semangat persefahaman di antara guru-guru, guru-guru besar, guru-guru biasa dan ahli PIBG di sekolah-sekolah di mana projek ini terlibat.

Kedua untuk mengenal bahawa zat makanan yang baik adalah penting dari segi biological untuk murid-murid belajar di sekolah-sekolah, terutama sekali mereka yang dalam Darjah Satu.

Memang kita dapati bahawa peruntukan sebanyak 20 sen yang Kerajaan beri kepada tiap-tiap murid yang menikmati projek AMP ini tidak mencukupi oleh kerana makanan yang diadakan mengikut senarai ialah beras, ikan, telur dan sayur. Kalau dipandang dari segi mata kasar 20 sen memang tidak cukup, tetapi tujuan utama ialah seperti yang saya sebutkan tadi untuk menyemai semangat muhibbah di antara guru-guru dan ahli masyarakat yang bertanggungjawab. Oleh itu pelaksanaan projek AMP di sekolah-sekolah yang mendapat projek ini ialah secara suka-rela.

Dari segi kewangan pula memang kita dapati di sekolah-sekolah di mana guru-guru ataupun ahli-ahli PIBG yang mengendalikan terdapat bukan penyelewengan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang, tetapi mungkin timbul kecuaiian sedikit, tetapi tujuan utama ialah supaya guru-guru yang terlibat dan juga ibubapa yang terlibat dalam pelaksanaan projek AMP ini ialah untuk menimbulkan semangat kesedaran, semangat disiplin dan cara-cara mengurus sekolah-sekolah. Saya percaya tidak timbul masalah guru-guru ini terpaksa diberi tugas yang lebih oleh kerana saya

percaya dengan adanya pelaksanaan dasar gaji Kabinet, gaji guru-guru sudah bertambah, sudah seharusnya guru-guru dan juga rakyat sekalian terutama sekali ahli PIBG menyumbangkan tenaga untuk kepentingan anak-anak di sekolah-sekolah.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Matang yang meminta supaya projek AMP ini diberi menyeluruh dengan tidak memilih sama ada anak itu miskin ataupun tidak. Kita dapati di kawasan sekolah di mana ibubapa mereka banyak yang mempunyai pendapatan yang tinggi, mereka tidak mahu menerima projek ini. Satu sekolah yang saya suka sebutkan ialah Sekolah St. Joseph di Kuching, umpamanya, mereka tidak mahu. Mereka anggap bahawa apabila kita beri projek AMP ini maruah ibubapa itu rendah. Jadi, Kerajaan terpaksa dari segi permulaan memilih di mana sekolah yang perlu kita beri bantuan AMP.

Di sarawak dan di Sabah kita tidak pilih dalam peruntukan kita beri tiap-tiap sekolah, tetapi setelah kita memberi ada juga ibubapa yang tidak mahu menerima. Jadi, masalah ini yang kita hadapi. Bagaimanapun teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Mengenai penyediaan peruntukan bagi mengadakan sukan di sekolah-sekolah, sungguhpun ini adalah luar daripada pecahan-kepala 4100, suka saya menyentuh sedikit di sini, sebenarnya Kementerian Pelajaran sudahpun mengadakan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Semalaysia di mana tiap-tiap murid dikehendaki memberi sumbangan sebanyak \$1 setahun dan peruntukan sekarang sudahpun agak lumayan dan ini dengan sendirinya tidak menyentuh pemberian ataupun sumbangan dari guru-guru. Jadi, anggapan Yang Berhormat itu mungkin salah oleh kerana tidak tahu latar-belakang di mana Kementerian Pelajaran sudahpun mengadakan sebuah pasukan yang dikenal dengan nama MSSM.

Mengenai pelaksanaan projek AMP yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang juga, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, mungkin anggapan daripada guru-guru ataupun pegawai-pegawai yang melaksanakan projek ini di sekolah yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat ini bukan kerana mereka tidak mahu melaksanakan projek AMP ini oleh

kerana boleh jadi saya percaya dari unsur-unsur yang lain, unsur politik umpamanya, mungkin terdapat ahli-ahli PIBG ini bukan daripada parti Barisan Nasional, tetapi tujuan utama apabila kita melaksanakan kita tidak memilih sama ada ahli PIBG ini terdiri dari parti Barisan Nasional ataupun parti PAS, ataupun parti Pembangkang yang lain, yang utama sekali di Sabah dan Sarawak. Tujuan utama ialah seperti yang saya terangkan tadi, untuk menyatupadukan, menimbulkan semangat di kalangan guru-guru, di kalangan murid-murid dan di kalangan ibubapa supaya suasana di mana projek ini dapat kita semai dengan baik. Saya berharap segala teguran yang lain yang tidak dapat saya sentuh di sini, Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$314,500,000 untuk Kepala B. 29 diperintahkan, jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$12,000,000 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga 1977 bagi Kepala B. 31 dan P. 31.

*Kepala B. 31 (Jadual Pertama)*—

*Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977)*—

6.11 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Pengerusi, saya pohon izin mencadangkan Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 di bawah Kepala B. 31 yang berjumlah \$5,380,200 dan Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Ketiga, 1977 di bawah Kepala P. 31 berjumlah \$2,728,962 yang mana jumlah besarnya ialah \$8,109,162 menjadi sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

Tuan Pengerusi, Perbelanjaan Tambahan Mengurus Ketiga, 1977 sebanyak \$5,380,200 di bawah B. 31 mengikut Kertas Perintah 29/78 adalah untuk mengadakan Persidangan Kemuncak Negara-negara ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Dan

yang kedua untuk penubuhan dua buah Kedutaan Besar Malaysia di Ankara dan Warsaw. Dari jumlah ini sebanyak \$1,520,275 adalah di bawah peruntukan emolument bagi pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Anggaran Tambahan Belanja Pembangunan Ketiga, 1977 yang berjumlah \$2,780,962 di bawah Kepala P. 31, mengikut Kertas Perintah 31/78 adalah untuk pembelian sebuah bangunan untuk dijadikan chancery Kedutaan Besar Malaysia di Rome dan memperbaiki rumah kediaman Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Bangkok, London, Paris, New Delhi dan Jakarta.

Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya wang sejumlah \$8,109,162 menjadi sebahagian daripada jadual dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,380,200 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama, dan wang sebanyak \$2,728,962 untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga 1977 di bawah Kepala B. 32, B. 35 dan B. 36 dan bagi Anggaran Tambahan Pertama tahun 1978 di bawah Maksud B. 32, B. 33 dan B. 34 serta Anggaran Tambahan Pertama Pembangunan di bawah Maksud P. 32 dan P. 35. Sila.

*Kepala B. 32, B. 34, B. 35 dan B. 36 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 32, B. 33 dan B. 34 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 32 dan P. 35 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—*

6.15 ptg.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Pengerusi, dengan izin, saya membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978 untuk Kementerian Kewangan yang meliputi Anggaran

Jabatan-jabatan di bawah portfolio Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan berikut diluluskan.

- (a) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 yang terkandung di bawah Kepala B. 32, B. 34, B. 35 dan B. 36 berjumlah \$323,608,210;
- (b) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 yang terkandung di bawah Maksud B. 32, B. 33 dan B. 34 berjumlah \$102,944,399; dan
- (c) Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978 yang terkandung di bawah Maksud P. 32 dan P. 35 berjumlah \$48,850,010.

Kesemua ini adalah berjumlah \$475,402,619. Butir-butir lanjut mengenai perbelanjaan tambahan yang dikehendaki ini adalah terkandung di dalam Kertas Perintah 21, 23 dan 29, kesemuanya tahun 1978 yang telah pun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,700,000 untuk Kepala B. 32, \$300,000,000 untuk Kepala B. 34, \$15,678,000 untuk Kepala B. 35 dan \$5,230,000 untuk Kepala B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$4,940,702 untuk Maksud B. 32, \$59,203,697 untuk Maksud B. 33 dan \$38,800,000 untuk Maksud B. 34, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$48,400,000 untuk Maksud P. 32 dan \$450,010 untuk Kepala P. 35 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam untuk mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 di bawah Kepala B. 37. Sila.

*Kepala B. 37 (Jadual Pertama)—*

6.18 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengemukakan supaya Peruntukan Tambahan Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah

\$130,000 iaitu Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kementerian Perusahaan Awam di bawah Kepala B. 37 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian ini telah diuntukkan sebanyak \$699,942 di bawah emolument dan sebanyak \$901,961.10 sen telah dibelanjakan. Sebenarnya jumlah terlebih dibelanjakan di bawah emolument ialah sebanyak \$232,019.10 sen dan tambahan ini dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian ini berikutan dari pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet mulai 1hb Januari, 1976. Oleh kerana terdapat simpanan (saving) daripada pecahan-pecahan kepala yang lain, maka hanya sebanyak \$130,000 sahaja diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya mohon agar perbelanjaan mengurus tambahan sebanyak \$130,000 di bawah Kepala B. 37 diluluskan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$130,000 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengemukakan Anggaran Tambahan bagi Kementerianya.

*Kepala B. 42, B. 43 dan B. 45 (Jadual Pertama)*—

*Maksud B. 39, B. 43, B. 44 dan B. 45 Jadual Kedua*—

*Maksud P. 40 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)*—

6.20 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 42, B. 43 dan B.45 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada

Jadual. Anggaran di bawah Belanjawan Mengurus Tambahan yang dimaksudkan tadi adalah seperti berikut:

Kepala B. 42 (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan) ... ..	\$ 215,000
Kepala B. 43 (Jabatan Pendaftaran Negara) ... ..	\$1,750,000
Kepala B. 45 (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli) ... ..	\$1,705,000

Bagi kepala B. 42 sebanyak \$215,000 itu adalah diminta sebagai peruntukan tambahan di bawah Pecahan-kepala 1100, iaitu Gaji dan Upahan bagi membiayai tunggakan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Bagi Kepala B. 43, Jabatan Pendaftaran Negara, tambahan peruntukan sebanyak \$1,729,900 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 1100, iaitu Gaji dan Upahan bagi kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet juga. Dan bagi Kepala B. 45, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, tambahan sebanyak \$1,705,000 adalah dikehendaki bagi membiayai tunggakan gaji serta bonos kakitangan Jabatan berikutan dengan pelaksanaan Gaji Jawatankuasa Kabinet juga.

Tuan Pengerusi, saya juga mengusulkan supaya Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan dan Pembangunan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tahun 1978 di bawah Maksud B. 39, B. 43, B. 44 dan B. 45 dan Maksud Pembangunan 40, supaya diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Belanjawan Mengurus Tambahan yang dimaksudkan tadi adalah seperti berikut:

Maksud B. 39 (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) ... ..	\$ 31,673
Maksud B. 43 (Jabatan Pendaftaran Negara) ... ..	\$ 94,500
Maksud B. 44 (Penjara) ... ..	\$345,410
Maksud B. 45 (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli) ... ..	\$198,467

Juga, Anggaran Belanjawan Pembangunan Tambahan bagi tahun 1978 yang dimaksudkan tadi adalah seperti berikut:

Maksud P. 40 (Jabatan Polis Diraja Malaysia) ... ..	\$10
---	------

Di bawah Maksud B. 39—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sejumlah \$31,673 telahpun dipohon oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menampung kekurangan yang mustahak yang dilaksanakan di bawah beberapa Pecahan-kepala.

Maksud B. 43, iaitu Jabatan Pendaftaran Negara, peruntukan tambahan sebanyak \$94,500 telah dipohon di bawah Butiran 3300, iaitu Perabut dan Lengkapan, Alat Kelengkapan dan juga Ternakan bagi menggantikan pendahuluan daripada Wang Kumpulan Luar Jangka, bagi membeli satu yunit "Film Duplicator" berharga \$24,500 bagi Yunit Mikrofilem di Jabatan Pendaftaran Negara dan sebuah Mesen Pemotong Kertas Jilid yang berharga \$70,000 bagi mengganti mesen-mesen yang telah diperakukan untuk dilupuskan oleh Lembaga Pemeriksa. Maksud B. 44—Jabatan Penjara, sejumlah \$345,410 telah dipohon bagi membiayai Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dapat ditanggung.

Maksud B. 45—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, peruntukan tambahan sejumlah \$198,467 telah dipohon dibawah Butiran 3300, Perabut dan Kelengkapan, untuk membeli lori dan juga kenderaan-kenderaan yang telah dihapuskan.

Maksud P. 40—Jabatan Polis Diraja Malaysia, peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah perlu supaya anggaran harga Butiran (projek) 4, iaitu Pagar Keselamatan Sempadan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat dipindah daripada \$4,074,000 kepada \$8,935,000 yang dianggar dikehendaki bagi membiayai pembinaan Pagar Keselamatan Sempadan Malaysia-Thailand. Bagi tahun 1978, sebanyak \$1,074,000 telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan, 1978 itu. Permohonan adalah juga dibuat bagi diluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi menggantikan pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran harga Butiran (projek) ini daripada \$4,074,000 kepada \$8,935,000.

Tuan Pengerusi demikianlah saya mengusulkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$215,000 untuk Kepala B. 42, \$1,750,000 untuk Kepala B. 43 dan \$1,705,000 untuk Kepala B. 45 diperintahkan

jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$31,673 untuk Maksud B. 39, \$94,500 untuk Maksud B. 43, \$345,410 untuk Maksud B. 44 dan \$198,467 untuk Maksud B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 40 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan. (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk mengemukakan Anggaran Tambahan bagi Kementeriannya. Sila.

*Kepala B. 46 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—*

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Pengerusi, saya berdiri mencadangkan kelulusan ke atas peruntukan wang tambahan bagi Kementerian saya di bawah Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 dan Anggaran Tambahan Pertama tahun 1978.

Tambahan-tambahan yang diperlukan di bawah Anggaran Peruntukan Tambahan itu ialah bagi Anggaran Tambahan Mengurus sebanyak \$6,500 yang diperlukan bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 46, iaitu untuk Kementerian Penerangan. Bagi Anggaran Tambahan Mengurus Pertama tahun 1978 pula, sebanyak \$591,600 diperlukan di bawah Maksud B. 46 untuk Kementerian Penerangan, sebanyak \$50,000 diperlukan di bawah Maksud B. 47 untuk Jabatan Penyiaran dan sebanyak \$4,440,087 diperlukan di bawah Maksud B. 48 Jabatan Penerangan. Bagi Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1), 1978 pula, wang sebanyak \$699,990 adalah diperlukan di bawah Maksud P. 47 untuk Jabatan Penyiaran dan wang sebanyak \$105,000 di bawah Maksud P. 48: untuk Jabatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, saya mohon pertimbangan supaya kesemua peruntukan itu diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ini akan disambung pada hari esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 13hb Disember, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*